

"KEGAWATAN apa pun, dasarnya kita mesti atasi. Termasuklah kegawatan ekonomi. Tetapi mengatasinya, di samping dengan ilmu kemahiran dan usaha tangan, kita juga jangan sekali-kali melupakan kuasa Allah. Lalu kerana itu, doa adalah senjata yang paling solid." - Titah sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri 1420 Hijrah/1999 Masihi.



قلست بروني

Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

"SESUNGGUHNYA orang-orang yang bertakwa berada dalam Syurga dan kenikmatan. Mereka bersuka ria dengan apa yang diberikan kepada mereka oleh Tuhan mereka dan Tuhan mereka memelihara mereka daripada azab Neraka. Dikatakan kepada mereka: Makan dan minumlah dengan enak sebagai balasan dari apa yang telah kamu kerjakan." - Surah At-Thuur ayat 17-19.

TAHUN 46 BILANGAN 1 RABU 3 JANUARI, 2001/1421

رابو 7 شوال

PERCUMA

http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm email:
pelita@brunet.bn Talian penting PELITA BRUNEI :
(02) 383941/(02) 383804 Faks : (02) 381004/(02) 380507

KDYMM membuat kunjungan muhibah kepada Kebawah DYMM Al-Malek Fahd

KOTA SUCI MEKAH, ARAB SAUDI, 22 Disember, 2000. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengadakan kunjungan muhibah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Malek Fahd Ibn 'Abdul 'Aziz Al-Saud, Raja Arab Saudi.

Majlis berlangsung di Istana As Safa di Kota Suci Mekah, Arab Saudi, sebaik-baik sahaja Kebawah Duli Yang Maha Mulia selesai mengerjakan sembahyang berjemaah fardu Isyak dan sunat tarawih di Masjidil Haram.

Berangkat sama dalam kunjungan itu ialah putera-putera baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sementara itu, dalam majlis yang berasingan pada malam Sabtu, 23 Disember 2000, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam telah berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam yang diraikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Puteri Jawhara Al-Ibrahim, isteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Malek Fahd di Istana As Safa di Kota Suci Mekah, Arab Saudi.

Berangkat sama dalam Majlis Santap malam itu ialah puteri-puteri baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolqiah.

Kedua-dua majlis ini bertujuan antara lain, untuk mengeratkan lagi hubungan yang telah terjalin di antara kedua-dua buah negara dan di antara kedua-dua kerabat diraja dari kedua-dua buah negara. Di samping itu, kunjungan tersebut juga memberi kesempatan bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menitahkan penghargaan baginda secara peribadi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Malek Fahd terhadap kemudahan-kemudahan dan layanan baik yang berterusan yang diberikan oleh Kerajaan Arab Saudi bukan sahaja kepada baginda serta kerabat diraja malahan kepada semua jamaah Negara Brunei Darussalam yang mengerjakan ibadat haji dan umrah selama ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah di antara beberapa ketua-ketua negara dan kerajaan yang masa ini berada di Kota Suci Mekah bagi mengerjakan ibadat umrah. Kebawah Duli Yang Maha Mulia berada di Tanah-tanah Suci Mekah dan Madinah di sepanjang sepuluh hari terakhir bulan Ramadan.

Hubungan diplomatik antara Negara Brunei Darussalam dan Arab Saudi telah mula terjalin semenjak dari tahun 1984 dan mencapai kemuncaknya dengan lawatan negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi dalam bulan Januari tahun lalu.

Bagi membina pertahanan ummah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri.

BANDAR SERI BEGAWAN, 28 Disember, 2000 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah apabila seseorang itu beriman dan bertakwa, maka seluruh jiwa raganya akan tunduk, patuh dan berserah hanya semata-mata kepada Allah.

"Inilah yang dikatakan sebagai 'Roh Islam' yang telah menjelma di dalam diri seseorang ia akan melahirkan segala sifat terpuji seperti ikhlas, sabar, tenang, istiqamah, berani dan taat setia," titah baginda.

Jadi nyatalah di sini bahawa 'Roh Islam' itu adalah faktor paling penting di dalam rangka kita membina pertahanan ummah.

Baginda bertitah demikian dalam titah Hari Raya Aidilfitri 2000 Masihi/1421 Hijrah yang

disiarkan oleh Radio dan Televisyen Brunei ke seluruh negara sempena Hari Raya Aidilfitri yang jatuh pada hari ini.

Baginda bertitah bulan Syawal ialah bulan kegembiraan, bulan umat Islam berhari raya, bulan yang penuh dengan kemeriahan, bulan umat Islam berkumpul di masjid-masjid atau di tanah-tanah lapang untuk bertakbir dan bertahmid memuji kebesaran Allah, yang kemudian diakhiri dengan kewajipan berjemaah beramai-ramai menunaikan Sembahyang Sunat Aidilfitri yang mulia.

"Jika kita hayati suasana ini dengan saksama, nyatalah ianya suatu kehebatan dan keindahan luar biasa, lebih-lebih lagi apabila menyaksikan gerak-geri umat Islam yang dipimpin oleh seorang imam dalam sembahyang mereka," titah baginda.

Titah baginda, pada ketika ini yang kelihatan hanyalah keseragaman jua, kesatuan yang cukup padu, daripada

Oleh
Abdullah Asgar

gerak-geri mereka sampailah kepada hati nurani semuanya itu bulat menjurus kesatu arah iaitu kepada Allah dan untuk Allah.

"Pada masa ini, tidak ada satu kekuatan yang dapat menundukkan mereka, kerana mereka sedang berada di bawah kekuatan Allah.

"Tidak ada satu kuasa yang dapat memecahkan mereka, kerana mereka sedang berada di bawah kekuasaan Allah," titah baginda.

Daripada kenyataan ini titah baginda, nampaklah kita bahawa ibadat kepada Allah itu, terutamanya ibadat sembahyang adalah suatu kekuatan yang tidak ada tolok bandingnya.

Mengapakah kita katakan demikian? Kerana apa jua jenis ibadat adalah ia hasil dorongan daripada takwa dan iman

Individu beriman sumber kekuatan masyarakat - titah

BANDAR SERI BEGAWAN, 28 Disember, 2000. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, umat yang berbakti jelas dan tidak syak lagi akan mendapat pertolongan daripada Allah sebagaimana janji-Nya dalam Al-Quran firman Allah tafsirnya :

"Sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertakwa, maka pastilah kami (Allah) akan membuka kepada mereka keberkatan (pintu-pintu pengurniaan) daripada langit dan bumi, tetapi (sayang), mereka itu mendustakan ayat-ayat Kami, lalu kami seksa mereka disebabkan oleh perbuatan mereka sendiri." Surah Al-A'raaf ayat 96.

Baginda bertitah demikian dalam titah Hari Raya Aidilfitri 2000 Masihi/Hijrah 1421 yang disiarkan oleh Radio dan Televisyen Brunei ke seluruh negara sempena Hari Raya Aidilfitri.

Jelas baginda, inilah antara rahsia takwa dan iman itu, individu yang beriman adalah sumber bagi kekuatan masyarakatnya.

Apatah lagi jika seluruh masyarakat itu menjadi ahli iman, maka sudah barang tentu kekuatan yang mereka miliki akan bertambah-tambah lagi, sesungguhnya kekuatan daripada Allah itu tidak siapa yang boleh mengalahkannya, ini juga telah dirakam oleh Al-Quran, Surah Ali-Imran ayat 160 tafsirnya :

"Jika Allah menolong kamu, maka tiadalah sesiapa lagi yang dapat mengalahkan kamu, (tetapi sebaliknya) jika Allah membiarkan kamu, maka siapakah gerangan selepas itu yang boleh menolong kamu selain daripada Allah? Oleh kerana itu, hanya kepada Allah jua, kamu mesti bertawakal."

Mengenai kekuatan dan ketahanan ini titah baginda, kita semua adalah sama-sama bertanggungjawab, lebih-lebih lagi muda-mudi generasi yang ada dan akan datang.

"Di tangan merekalah bergantung harapan untuk terus menyumbangkan bakti dan jasa ke arah mengekalkan ketahanan bangsa," titah baginda.

Lihat muka 16





دَعْنِ نَامَ اللَّهِ يَغْمَهَا
ثَمُورُهُ دَانَ مَهَا ثِيَابُهَا

Dari Sidang Pengarang

3 JANUARI, 2001 BERSAMAAN 1421 شوال, 7

ROH ISLAM

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar
Walillahilhamd.

ALAF baru walaupun baru berusia setahun tetapi telah banyak menghidangkan kepada kita peristiwa-peristiwa pahit dan getir yang dialami oleh sebahagian daripada warga dunia. Kejadian malang itu sebahagiannya telah meratah mangsanya dengan cukup kejam sehingga mereka yang tidak berdosa dibunuh, diseksa, dianiaya, ditindas dan bermacam-macam lagi jenama keganasan yang dilakukan oleh manusia yang rakus, gila kuasa dan tidak berperikemanusiaan. Sebahagian yang lain terus diburu ketakutan, nyawa mereka seolah-olah berada di hujung tanduk pada bila-bila masa saja ia akan jatuh ke tangan mangsanya. Bagi mereka keamanan dan keharmonian hanyalah mimpi di siang hari dan mungkin juga sudah tidak ada lagi dalam kamus kehidupan mereka. Malahan ramai lagi yang hidup segan mati tak mahu akibat kemiskinan dan entah berapa ramai lagi yang akan mamah oleh bencana alam dan sebagainya. Fenomena begini seolah-olah telah diwariskan oleh alaf yang lalu yang mana telah banyak menyaksikan kepahitan dan kengerian seumpama itu. Bagi kita semua itu tentu-lah iktibar dan pengajaran yang sangat berharga.

Kita di Negara Brunei Darussalam alhamdulillah, masih boleh tidur nyenyak dengan situasi yang aman damai lagi selesa. Berikutan suasana itu dapat pula kita mengerjakan ibadat puasa di bulan Ramadan yang baru lalu dengan sempurna dan seterusnya dapat menyambut Hari Raya Aidilfitri tahun ini menurut yang sewajarnya walaupun kita masih dalam hambatan kegawatan ekonomi. Keamanan dan keharmonian masih tetap menjadi 'trade mark' negara kita, dari itu kita memang wajar bersyukur dan meningkatkan iman serta takwa kepada Allah Subhanahu Wataala yang telah melimpahkan kurnia nikmat yang sangat besar dan banyak kepada kita. Kita memang patut berbangga tetapi tidak pula bermaksud untuk mendabik dada jauh sekali untuk menjadi bangsa yang angkuh. Cuma sekadar ingin menyatakan dan mengakui bahawa Allah Subhanahu Wataala yang kita sembah dan meletakkan iman dan takwa semata-mata kepada-Nya telah melindungi kita daripada bala dan kesengsaraan. Dari sini kita sudah mengenal pasti bahawa iman dan takwa adalah kunci kepada keberkatan. Umat yang diberkati tidak syak lagi akan mendapat pertolongan daripada Allah - Tidak ada yang lebih hebat daripada pertolongan Allah Subhanahu Wataala.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah perutusan baginda sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini telah juga menekankan tentang iman dan takwa. Menurut baginda seseorang yang beriman dan bertakwa seluruh jiwa raganya akan tunduk, patuh dan berserah hanya semata-mata kepada Allah. Kejutuan inilah yang dikatakan sebagai 'roh Islam' yang telah menjelma di dalam diri seseorang, ia akan melahirkan segala sifat terpuji seperti ikhlas, sabar, tenang, istiqamah, berani dan taat setia.

Maka jelas di sini dalam menghadapi tahun baru dan cabaran di hari-hari mendatang kita memerlukan setiap orang memiliki roh Islam kerana ia adalah faktor penting di dalam rangka kita membina kekuatan dan ketahanan ummah. Seperti yang ditegaskan oleh baginda dalam perutusan tersebut umat yang mempunyai roh keislaman dan ketakwaan adalah umat yang diberkati. Umat yang diberkati pasti akan mendapat pertolongan daripada Allah Subhanahu Wataala. Kalau Allah yang menolong kita sudah pasti selamat. Kalau takut diratah oleh kekejaman, kalau tidak mahu dimamah sesuka hati oleh musuh-musuh kita dan kalau mahu selamat daripada bala dan bencana dapatkanlah pertolongan daripada Allah dengan cara beriman dan bertakwa.

Oleh kerana itu baginda menasihatkan untuk membina kekuatan dan ketahanan adalah tanggungjawab semua. Caranya jangan lari daripada agama, peliharalah akidah dan keimanan, tingkatkan takwa kepada Allah, banyakkkan aktiviti kebajikan dan tutup segala pintu kemungkaran yang boleh menimbulkan murka Allah.

MASJID-MASJID TIDAK KETINGGALAN IKUTI PERKEMBANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

DENGAN penuh hormat dan takzimnya hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyembahkan syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala, dengan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke Majlis Sambutan Israk dan Mikraj pada hari ini, demikian juga di atas limpah perkenan Kebawah Duli Tuan Patik akan mengurniakan titah, seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wataala senantiasa memberkati dan mencurahkan taufik dan hidayah-Nya ke hadapan majlis Kebawah Duli Tuan Patik. Amin.

Disembahkan bahawa acara utama Majlis Sambutan Israk dan Mikraj pada tahun 1421 Hijrah ini ialah penganugerahan Takmir Masjid iaitu anugerah dan penghormatan kepada masjid-masjid yang lebih maju dan berjaya. Penganugerahan ini diadakan dua tahun sekali, penganugerahan Takmir Masjid pada tahun ini adalah merupakan kali kelima sejak program ini dimulakan pada tahun 1411H/1991M.

Disembahkan bahawa pada masa ini, usaha-usaha memaju dan memakmurkan masjid seluruh negara semakin meningkat. Ia disebabkan meningkatnya kesedaran dan rasa tanggungjawab masyarakat terhadap masjid yang boleh menjamin kebahagiaan, dan mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wataala, di dunia mahupun di akhirat, sesuai dengan firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah At-Taubah ayat 108 yang tafsirnya :

"Sesungguhnya masjid itu dibina berasaskan kepada ketakwaan."

Kejayaan memaju dan memakmurkan masjid adalah berkat iltizam penuh dan kewibawaan pegawai-pegawai masjid, serta dengan sokongan padu daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, penyertaan dan sambutan para jemaah dan penduduk-penduduk kampung di mukim-mukim masjid yang berkenaan.

Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid memahami dan menghayati fungsi dan peranan masjid yang sebenar, sehingga masyarakat melibatkan diri dalam rancangan-rancangan dan kegiatan-kegiatan masjid. Umpamanya dalam memedulkan kebajikan anak buah kampung, pelbagai golongan masyarakat terlibat, termasuklah belia-belua, kanak-kanak, penuntut-penuntut sekolah, pihak swasta dan penduduk-penduduk kampung.

Dalam bidang kebajikan ini, masjid-masjid telah berusaha, umpamanya menyediakan tabung-tabung anak yatim, malapetaka alam, Tabung Insaniah Kosovo dan sebagainya. Terdapat masjid yang mengungkayahkan jualan amalan Kosovo bagi membantu masyarakat luar negeri dengan sambutan yang sangat menggalakkan.

Masjid-masjid di negara ini tidak ketinggalan dalam mengikuti perkembangan Teknologi Maklumat. Kini terdapat sebahagian masjid dan balai ibadat mempunyai kelas-kelas komputer dan laman webnya sendiri dan mempunyai jaringan kerja sehingga boleh berhubung dengan dunia luar.

Pihak masjid mengaturkan beberapa program bagi mendekatkan belia-belua dengan masjid, kini diwujudkan Kumpulan Belia Masjid, Ahli Jawatankuasa Belia Masjid, Program Anak Angkat Masjid, dan diadakan pelbagai kursus bagi mereka. Tujuan program-program ini semata-mata untuk mendidik dan mendekatkan belia-belua dengan masjid, supaya mereka merasa bertanggungjawab terhadap masjid, dan dapat menjauhkan belia-belua daripada kegiatan-kegiatan yang negatif dan merosakkan, seterusnya meno-

DALAM bidang kebajikan ini, masjid-masjid telah berusaha, umpamanya menyediakan tabung-tabung anak yatim, malapetaka alam, Tabung Insaniah Kosovo dan sebagainya. Terdapat masjid yang mengungkayahkan jualan amalan Kosovo bagi membantu masyarakat luar negeri dengan sambutan yang sangat menggalakkan.



UCAPAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain bin Haji Serudin dalam Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1421 Hijrah/2000 Masihi bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 27 Rejab, 1421 bersamaan 25 Oktober, 2000.

lak persepsi negatif bahawa masjid hanyalah untuk orang tua-tua dan hanya tempat bersembahyang sahaja.

Dengan perkembangan-perkembangan yang ada sekarang ini, semoga Allah sentiasa mengurniakan kepada semua lapisan masyarakat Islam semangat yang lebih berkobar-kobar cintakan masjid, iman yang semakin teguh, amal ibadat yang semakin berlipat ganda, demi mencapai keredaan Allah.

Sekali lagi hamba Kebawah Duli Yang Tuan Patik menjunjung kasih yang setinggi-tingginya di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke majlis ini, dan juga menjunjung kasih di atas keberangkatan paduka anakanda Kebawah Duli Tuan Patik, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, paduka-paduka adinda Kebawah Duli Tuan Patik, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiyah, paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Tuan Patik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria dan di atas kehadiran Yang Berhormat menteri kabinet, ahli-ahli majlis mesyuarat, timbalan-timbalan menteri, dif-dif yang dihormati, para hadirin dan hadirat sekalian.

Dalam kesempatan ini juga inginlah dirakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak, dan sesiapa jua yang terlibat dalam menjayakan majlis ini. Semoga usaha-usaha yang berkebakaran lagi ikhlas daripada mereka itu semuanya akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wataala. Amin.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Perutusan tahniah sempena ulang tahun hari keputeraan Raja Negara Nepal

BANDAR SERI BEGAWAN, 28 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Birendra Bir Bikram Shah Dev, Raja Negara Nepal dan Tuan Yang Terutama Yang Amat Berhormat Girja Prasad Koirala, Perdana Menteri Negara Nepal bersempena dengan ulang tahun hari keputeraan baginda Raja Birendra Bir Bikram Shah Dev.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei

Darussalam dengan Negara Nepal. Baginda berharap semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berharap semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Negara Nepal akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Yang Amat Berhormat Girja Prasad Koirala, Perdana Menteri Negara Nepal, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah

kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat Negara Nepal sempena ulang tahun hari keputeraan baginda, Raja Birendra Bir Bikram Shah Dev.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Negara Nepal. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama Yang Amat Berhormat Girja Prasad Koirala, Perdana Menteri Negara Nepal akan sentiasa menikmati kemakmuran dan sejahtera.

Pencapaian keseluruhan penyertaan dalam STEP membanggakan

BERAKAS, 20 Disember. - Seramai 59 orang pegawai dan penuntut dari beberapa buah institusi pengajian tinggi dan sekolah-sekolah menengah telah menerima sijil masing-masing selepas menyertai program antarabangsa yang dikendalikan oleh Pusat Sains, Teknologi dan Alam sekitar (STEP) bagi tahun 1999 dan 2000.

Hadir menyampaikan sijil-sijil tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Awang Haji Alihashim bin Haji Daud, di Bilik Persidangan kementerian berkenaan.

Pada tahun 1999 lalu, para guru dan penuntut itu menyertai satu program di Malaysia dan dua program di Republik Singapura manakala tahun 2000 pula mereka telah menyertai dua program di Republik Korea dan satu program masing-masing mereka sertai di Republik Indonesia dan Republik Singapura.

Ketua STEP, Awang Mohd. Aliddin bin Ghani dalam ucapannya menyatakan pencapaian keseluruhan penyertaan semasa program itu sangat membanggakan dan ianya adalah sebagai motivasi kepada penuntut-penuntut dan Kementerian Pendidikan untuk mengendali dan menangani aktiviti selanjutnya.

Dalam penyertaan program Search For SEAMEO Young Scientist (SSYS) di Pulau Pinang, Malaysia, dua penuntut telah menerima anugerah 'Best Application of Scientific Principles or Approaches' dengan menerima wang tunai RM\$1,000 dan trofi.

Semasa penyertaan The Second APEC Youth Science Festival (AYSF) di Republik Singapura pula, beliau memberitahu bahawa Dayang Marzaleine binti Haji Adinin

Oleh Haji Ahat HI

telah dianugerahkan sebagai penyampai terbaik (Best Speaker), sementara pada program ASEAN-Republik Korea Youth Exchange Programme Millennium Asia Youth Camp di Republik Korea para peserta mendapat penghargaan di atas keberanian dalam melibatkan diri semasa aktiviti yang dikendalikan.

Dalam pertandingan akhir The 41st International Mathematical Olympiad (IMO) dua orang penuntut telah mencapai

pencapaian yang memberangsangkan.

Selain daripada itu beberapa penuntut telah menyandang jawatan penting dalam kumpulan semasa program AYSF dan ASEAN ROK dengan dilantik sebagai Ketua Pasukan, Penolong Ketua Pasukan dan Setiausaha.

Penyertaan dalam program tambahan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada penuntut-penuntut dan beberapa program berkenaan mungkin akan dibuat sebagai kesinambungan yang akan dikendalikan oleh STEP.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Haji Awang Alihashim ketika menyampaikan sijil kepada seorang penuntut yang menyertai program antarabangsa yang dikendalikan oleh Pusat Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP). - Gambar oleh Masri Osman.



DATIN Paduka Dayang Hayati dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi sepenuh masa.



HAKIM Steven Chong Wan Oon, dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi sepenuh masa.



PENGIRAN Hajah Zabaidah ditukar ke Jabatan Kehakiman sebagai Ketua Pendaftar Mahkamah Besar dan Hakim Mahkamah Perantaraan.

Kenaikan pangkat dan pertukaran tiga pegawai

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Disember. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri sukacita memaklumkan bahawa baginda telah memperkenankan bagi kenaikan pangkat dan pertukaran pegawai-pegawai berikut :

Datin Paduka Dayang Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Awang Haji

Mohd. Salleh, Pesuruhjaya Mahkamah Besar, Ketua Pendaftar Mahkamah Besar dan Hakim Mahkamah Perantaraan dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi sepenuh masa bagi mengendalikan kes-kes di Mahkamah Tinggi termasuk kes-kes wanita dan kanak-kanak perempuan.

Hakim Steven Chong Wan Oon, Pesuruhjaya Mahkamah Besar dan Hakim Mahkamah Perantaraan dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi sepenuh

masa bagi mengendalikan kes-kes di Mahkamah Tinggi.

Pengiran Hajah Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaluddin, Penolong Penguamcara Negara ditukar ke Jabatan Kehakiman sebagai Ketua Pendaftar Mahkamah Besar dan Hakim Mahkamah Perantaraan.

Kenaikan pangkat dan pertukaran di atas bermula pada 1 Januari 2001.

Berangkat menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya

**Liputan
Sahari Akim
Gambar-gambar oleh
Abdullah HAD**

BANDAR SERI BEGAWAN, 28 Disember, 2000. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menyertai rakyat baginda menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri.

Keberangkatan baginda ke Masjid Omar 'Ali Saifuddin dijunjung oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, sementara khutbah disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

Setelah selesai Sembahyang Sunat Hari Raya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta anakanda-anakanda dan adinda-adinda baginda juga berkenan menerima junjung ziarah daripada para jemaah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama anakanda-anakanda dan adinda-adinda baginda, menadah tangan ketika doa dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid yang juga mengimamkan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima junjung ziarah para jemaah yang sama-sama menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri (kiri). Sementara gambar kanan, keberangkatan baginda di Masjid Omar 'Ali Saifuddin telah dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menerima junjung ziarah para jemaah yang sama-sama menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri.

Liputan Sahari Akim, Bolhassan HAB
dan Abu Bakar HAR
Gambar-gambar oleh
Haji Haranadi HB, Abdullah HAD
dan Hamadi HM

JERUDONG, 1 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan mengurniakan Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri kepada golongan istimewa dari seluruh negara berlangsung di Baitul Amman, Istana Nurul Izzah.

Berangkat sama ke majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni' matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadilah Lubabul Bulqiah.

Majlis tersebut bermula dengan bacaan doa selamat oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz.

Para tetamu istimewa yang diraikan terdiri daripada anak-anak yatim, ahli-ahli Persatuan Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Cacat Anggota (PAPDA) dan Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA).

Majlis yang diadakan pada setiap tahun menjelang Hari Raya Aidilfitri itu memberikan kesempatan kepada golongan istimewa dan anak-anak yatim di negara ini bagi sama-sama menyambut dan merasakan kemeriahan suasana Hari Raya yang mulia itu.

Dengan adanya majlis seperti itu mereka juga berkesempatan menyebarkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan seterusnya menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri serta kerabat diraja yang lain.

Majlis tahun ini dihadiri oleh 2,100 orang anak-anak yatim dan 1,500 golongan istimewa. Dianggarkan hampir 5,000 orang menghadiri majlis itu termasuk pegawai-pegawai dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Kesihatan, para sukarelawan, para petugas serta keluarga mereka yang diraikan.

Duli Yang Teramat Mulia

Golongan istimewa diraikan di Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri

Pengiran Isteri Hajah Mariam adalah Penaung Persatuan PAPDA dan KACA yang ditubuhkan bagi tujuan memperbaiki dan mempertingkatkan taraf hidup dan kebajikan mereka yang cacat anggota.

Selain daripada itu ia juga bertujuan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai masalah-masalah dan kesulitan-kesulitan yang dialami oleh mereka yang kurang upaya.

Bulan Oktober tahun lepas sebuah pusat kebajikan, Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam terletak di Kampong Bengkurong telah dibuka dengan rasminya.

Pusat itu menjadi nadi pentadbiran PAPDA dan KACA di samping sebagai pusat bagi

ahli-ahlinya berinteraksi sesama sendiri dan mengikuti pelajaran-pelajaran khusus serta latihan-latihan termasuk bidang industri.

Antara fungsi dan aktiviti lain termasuklah mengadakan kegiatan-kegiatan kelas agama, kelas bahasa Inggeris, komputer, penanaman orkid, penanaman hidroponik, kraf tangan, pembuatan tembikar, pertukangan kayu dan muzik.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui jabatan-jabatan dan agensi-agensinya yang berkenaan telah dan akan terus memberikan pemeduliaan kepada golongan yang kurang berkemampuan dan kurang upaya yang memerlukan bantuan dan bimbingan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam bersama putera dan puteri baginda berkenan menerima junjung ziarah anak-anak yatim di Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Baitul Amman, Istana Nurul Izzah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri serta anakanda-anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah golongan istimewa yang diraikan.



GOLONGAN istimewa dari seluruh negara yang terdiri dari anak-anak yatim, ahli-ahli Persatuan Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Cacat Anggota (PAPDA) dan Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA) diraikan di Majlis Jamuan Hari Raya di Istana Nurul Izzah (kiri). Sementara gambar kanan doa selamat bagi memberkati majlis telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz.



KETUA Pegawai Eksekutif Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar ketika menerima sumbangan daripada Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan anak-anak syarikatnya yang disampaikan oleh Pengarah Urusan TAIB, Awang Haji Junaidi bin POKPS Dato Paduka Haji Hashim. - Gambar oleh Masri Osman.

Dana terima sumbangan derma lebih \$28 ribu

Oleh Haji Ahmad HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Disember. - Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim hari ini menerima sumbangan derma lebih \$28,000.00 di Majlis Penyampaian Sumbangan yang berlangsung di Ibu Pejabat Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Kumbang Pasang di sini.

Sumbangan-sumbangan datangnya daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Audit, Kementerian Kewangan berjumlah \$1,200.00 yang disampaikan oleh Timbalan Juruaudit Agung, Datin Hajah Salmah binti Haji Hanafiah; Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan berjumlah \$1,500.00 yang disam-

paikan oleh Pengarah Kemajuan Perumahan, Awang Haji Jumin bin Haji Marsal. Sumbangan tersebut adalah hasil kutipan daripada Pameran Habitex Sedunia pada 26 Oktober hingga 5 November, 2000 yang lalu.

Manakala pegawai dan kakitangan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan anak-anak syarikatnya menghulurkan sumbangan berjumlah \$7,617.24 yang disampaikan oleh Pengarah Urusan TAIB, Awang Haji Junaidi bin POKPS Dato Paduka Haji Hashim.

Bank Hongkong dan Shanghai Cooperation Brunei menyumbangkan derma sejumlah \$13,690.40 yang diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif bank berkenaan, Warner Manning dan Syarikat Rizsaldi Enterprise berjumlah \$4,000.00 yang diserahkan oleh Haji Saiful Faisal bin Pehin Orang Kaya Pekerma Lela Dato Paduka Haji Awang Chuchu.

Kesemua sumbangan itu telah diterima oleh Ketua Pegawai Eksekutif Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar.

Menurut siaran akhbar Yayasan SHHB, bagi menyalurkan sumbangan kewangan Dana berkenaan telah melaksanakan beberapa projek termasuk membukakan akaun simpanan yang dikenali Akaun Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim di Perbadanan TAIB dengan \$500.00 setiap akaun.

Siaran itu menambah, memberi perlindungan insurans/takaful setiap anak yatim melalui Pelan Takaful Siswa Khas yang disediakan oleh Insurans Islam TAIB dengan menyumbangkan kadar caruman minima \$20.00 sebulan bagi setiap anak yatim.

"Sebelum ini iaitu bersempena sambutan Hari Raya Aidilfitri, Bank Islam Brunei Berhad juga menyalurkan sumbangan kepada Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim iaitu dengan mengkreditkan sebanyak \$50.00 kepada setiap akaun anak-anak yatim di Perbadanan TAIB," kata siaran itu.

Sejak pelancaran dana berkenaan pada tahun 1998 sehingga sekarang, telah mengumpul sumbangan wang berjumlah \$4.5 juta dan seramai 1,842 orang anak yatim berdaftar di Sekretariat Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim.

Majlis Khatam Al-Quran di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah

Oleh Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Disember. - Majlis Bertadarus yang diadakan di sepanjang bulan Ramadan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah berakhir dengan Majlis Khatam Al-Quran.

Majlis yang berlangsung secara serentak bagi jemaah lelaki dan perempuan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah merupakan salah satu aktiviti di bulan yang penuh dengan keberkatan di samping menyemarakkan kemuliaannya.

Majlis Khatam bagi lelaki telah didahului oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin dan diikuti oleh para jemaah lelaki.

Doa khatam telah disempurnakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Imran dan doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Mustafa.

Manakala di ruang yang lain bagi jemaah perempuan telah diketuai oleh isteri Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datin Hajah Fatimah bagi mendahului bacaan surah Al-Faatihah.

Sementara di Masjid Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara yang mengadakan Majlis Bertadarus di sepanjang bulan Ramadan juga mengadakan majlis yang sama.

Hadir mengepalai Majlis Khatam tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya.

Majlis malam itu telah diserikan dengan persembahan tahtim dan Dikir Syarafil Anam yang disampaikan oleh pegawai-pegawai masjid.



TIMBALAN Juruaudit Agung, Datin Hajah Salmah menyampaikan sumbangan untuk Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim kepada Ketua Pegawai Eksekutif dana tersebut, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar. Majlis berlangsung di Ibu Pejabat Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Kumbang Pasang. - Gambar oleh Masri Osman.

Sumbangan Hari Raya kepada anak yatim dan keluarga polis

Oleh Samle HJ

GADONG, 25 Disember. - Seramai 41 orang anak yatim yang terdiri dari keluarga Pasukan Polis Diraja Brunei menerima sumbangan derma sempena Hari Raya di Dewan Stadium Hassanil Bolkiah di sini.

Sumbangan yang diberikan oleh Badan Kebajikan Polis Diraja Brunei dan pemegang-pemegang saham Koperasi SEPADU itu telah disampaikan oleh Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub.

Pesuruhjaya Polis menyeru agar anak-anak yatim tekun belajar dan patuh kepada penaja masing-masing selain menghindari daripada terpengaruh gejala-gejala yang tidak sihat.

Menyentuh mengenai Koperasi SEPADU, Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub berharap anggotanya akan memberikan kerjasama dan sokongan kepada koperasi berkenaan dengan mengamalkan semangat perpaduan, kerjasama dan saling bantu-membantu.

Katanya, pegawai-pegawai pemerintahan daerah polis perlu

sentiasa mengambil tahu dan membuat lawatan di kedai-kedai SEPADU di daerah masing-masing.

Seramai 230 anggota polis pangkat rendah yang berurusan dengan Koperasi SEPADU juga menerima sumbangan minuman ringan sempena Hari Raya.



PESURUHJAYA Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub ketika menyampaikan sumbangan derma Hari Raya kepada keluarga Pasukan Polis Diraja Brunei. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

KHUTBAH HARI RAYA AIDILFITRI

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar,
Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar,
Allahu Akbar Walillahil Hamd.

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita kepada Allah Subhanahu Wataala atas nikmat-nikmat yang tiada terhingga banyaknya yang dikurniakan kepada kita termasuklah memberi peluang untuk meraikan hari yang mulia ini iaitu Hari Raya Aidilfitri pada kali ini di dalam suasana riang gembira, aman damai dan sentosa. Hari Raya Aidilfitri merupakan antara hari-hari mubarak atau hari yang diberkati Allah Subhanahu Wataala sekali gus menjadi kemenangan umat Islam yang telah menunaikan kewajipan berpuasa selama sebulan.

Kita berhimpun beramai-ramai, tua muda, kecil besar, lelaki perempuan, miskin kaya di awal pagi yang penuh berkat dan ceria, di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat, kita datang dengan perasaan gembira dengan wajah yang berseri-seri serta pakaian yang baru dan serba

indah, bahkan datang dalam keadaan kita yang cukup suci, bersih dan takwa kerana berjaya mengharungi ujian nafsu dan berlapar dahaga selama sebulan.

Alhamdulillah, dengan kudrat dan iradat Allah Subhanahu Wataala jua kita berupaya menyempurnakan serta memohon anugerah taufik dan hidayah Allah Subhanahu Wataala supaya puasa Ramadan yang telah dikerjakan dapat mendidik kita menjadi insan yang

KHUTBAH PERTAMA

mulia dan bertakwa seterusnya moga-moga sembahyang kita, zakat kita, sedekah kita serta lain-lain ibadat diterima oleh Allah Subhanahu Wataala serta dosa kita diampuni-Nya.

Kita raikan Aidilfitri ini dengan melafazkan kalimah-kalimah takbir, tahlil dan tahmid tanda kesyukuran kepada Allah Subhanahu

Wataala. Ucapan-ucapan atau lafaz-lafaz suci yang diucapkan oleh suara orang-orang yang beriman menggambarkan keimanan terhadap Allah Subhanahu Wataala dan kesatuan seluruh umat. Dalam kita menikmati kegembiraan dan keseronokan ini janganlah melupakan golongan yang tidak bernasib baik iaitu

golongan fakir miskin, anak-anak yatim yang tidak berkemampuan dengan membantu mereka supaya dapat sama-sama bergembira. Dan dapat meringankan kesempitan hidup mereka.

Allahu Akbar, Allahu
Akbar, Allahu Akbar.

Puasa adalah satu proses pemulihan atau tarbiah kepada diri setiap Muslim juga berperanan mengembalikan atau memulihkan

keperibadian Muslim yang mungkin tercemar oleh dosa yang dilakukan sebelumnya. Bagi insan biasa tiada seorang pun dapat lari daripada melakukan kesilapan dan dosa kerana tidak dikurniakan sifat maksum seperti Rasul-rasul. Maka dengan rahmat dan Maha Penyayang Allah Subhanahu Wataala umat Islam dikurniakan Ramadan yang menjadi medan mengembalikan ketakwaan, memulihkan keperibadian dan meng-

hapuskan segala dosa yang dilakukan.

Jelaslah bahawa ibadat puasa adalah pemangkin keimanan dan ketakwaan.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 183 yang tafsirannya:

"Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan di atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa."

Dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri

Pertahankan nilai-nilai murni mengikut agama

Allahu Akbar, Allahu
Akbar, Allahu Akbar,
Allahu Akbar, Allahu
Akbar, Allahu Akbar,
Allahu Akbar, Allahu
Akbar. Walillahi Hamd.

ALLAH Subhanahu Wataala menciptakan manusia sebagai makhluk yang sangat mulia daripada segala makhluk yang lain.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Israa' ayat 70 yang tafsiran-nya:

"Dan sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam, Kami angkut mereka di darat dan di laut, Kami beri mereka rezeki daripada yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebaikan makhluk yang telah Kami ciptakan."

Allah Subhanahu Wata-

ala juga menganugerahkan manusia dengan akal fikiran, dengan akal manusia berupaya membezakan antara yang baik dan yang jahat, yang hak dan yang batil, yang bermanfaat dan yang mudarat, dengan akal manusia akan berfikir tentang kejadian-kejadian alam, akan meneroka, mencipta dan menghasilkan sesuatu. Apabila kurniaan akal ini disia-siakan maka martabat manusia itu samalah dengan haiwan, malah lebih hina daripada haiwan seterusnya akan menjadi beban kepada orang lain.

Kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala akan pencapaian-pencapaian yang dinikmati ketika ini umpamanya kepesatan pembangunan material, pembangunan ekonomi, kecanggihan teknologi pelbagai

KHUTBAH KEDUA

kemajuan lagi. Di sebalik perkara-perkara yang tersebut pelbagai krisis akhlak dan moral yang melanda di kalangan masyarakat kita hari ini.

Melihat perkembangan masa dan zaman sekarang, kedudukan atau martabat kemuliaan manusia itu tergunat, identiti umat Islam kebelakangan ini terancam kerana semakin ramai manusia terjebak ke lembah maksiat dan dosa, melanggar hak-hak asasi manusia, mencabul kehormatan, banyaknya perkara-perkara atau kegiatan yang dilakukan bersalahan dengan hukum syarak dan kehendak agama. Meluasnya gejala-gejala sosial, krisis-krisis akhlak dan keruntuhan moral bukan

sahaja para belia remaja bahkan golongan dewasa. Akibatnya dunia menjadi huru-hara dan terpesong daripada keredaan Allah Subhanahu Wataala.





Banyak perkara yang di-pinggirkan demi mengejar kemajuan dunia, masyarakat hari ini semakin matang dan global dengan segala maklumat terkini tetapi keruntuhan akhlak dan krisis moral terus-menerus berlaku, maruah dan kemuliaan turut tergadai demi kemajuan. Kes-kes jenayah, kes-kes amok, pembunuhan, pembuangan anak-anak damit di tong-tong sampah atau di longkang-longkang, manusia memandang perkara yang buruk sebagai kebaikan, sebaliknya ke-

ALHAMDULILLAH, dengan kudrat dan iradat Allah Subhanahu Wataala jua kita berupaya menyempurnakan serta memohon anugerah taufik dan hidayah Allah Subhanahu Wataala supaya puasa Ramadan yang telah dikerjakan dapat mendidik kita menjadi insan yang mulia dan bertakwa seterusnya moga-moga sembahyang kita, zakat kita, sedekah kita serta lain-lain ibadat diterima oleh Allah Subhanahu Wataala serta dosa kita diampuni-Nya.

baikan di pandang kejahatan. Kes-kes penyalahgunaan dadah, perzinaan, rogol, pergaulan bebas, pendedahan aurat, rompak, curi sudah seperti biasa, menjadi budaya di zaman moden, sudah tidak dianggap merbahaya, walaupun hakikatnya ia merupakan tunggul kayu reput yang telah dimakan anai-anai menanti saat tumbang. Demikian juga budaya berfoya-foya tajaan negara barat telah mempengaruhi

golongan muda-mudi.

Merujuk perkara-perkara yang disebutkan tadi marilah kita selaku umat Islam yang beriman kepada Allah Subhanahu Wataala mempertahankan nilai-nilai murni sebagaimana diajarkan agama, mengamalkan dan menghayati perintah Allah Subhanahu Wataala dan Rasul-Nya serta sentiasa memperkemas peribadi dengan keimanan dan ketakwaan.



BANDAR SERI BEGAWAN, 28 Disember 2000. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam di hari pertama Hari Raya Aidilfitri, berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah daripada pembesar-pembesar negara dan diplomat-diplomat asing bersama isteri masing-masing.

Anak Puteri Hajah Majoo
Yang Teramat Mulia Pa
Anak Puteri Hajah Hal
Yang Teramat Mulia Pa
Anak Puteri 'Azemah Ni
Teramat Mulia Paduka
Puteri Fadziilah Lubabal B
Mulia Paduka Seri Pengir
Masna. Yang Teramat
Pengiran Anak Puteri J
Teramat Mulia Paduka
Puteri Hajah Anjal Umi K
Yang Teramat Mulia Pa
Anak Puteri Hajah Noor
kerabat diraja yang lain

Majlis mengadap dan junjung ziarah itu berlangsung di Istana Nurul Iman setelah selesainya umat Islam di negara ini menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri yang diadakan di masjid-masjid dan surau-surau di seluruh negara.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Hummah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Safril Bolkiyah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Berangkat sama di majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta Wakkilah Hayatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Hari Raya Aidilfitri merupakan kemenangan yang dianugerahkan oleh Allah kepada umat Islam seluruh jaya menunaikan ibadah dan hari ini juga Allah mengharamkan umat Islam balakan untuk berbuka.

Selain Negara Brunei, but Hari Raya Aidilfitri, ASEAN juga merayakan dengan laungan takbir menunaikan Sembahyang serta memohon kemaafan ibu bapa, sanak saudara, dan bat handai.

Sepanjang perayaan Istana Nurul Iman dibuka pada orang ramai di neg ziarah dan menyembah Hari Raya Aidilfitri Kebawah Duli Yang Mah Baginda Sultan dan Yang Brunei Darussalam bersa

Lagi gambar-gambar c

NGADAP


AYA

ul Bulqiah,
Pengiran
Bolkiah,
Pengiran
Bolkiah, Yang
Teramat
Muda Seri
Paduka Seri
Duli Pengiran
Muda 'Abdul
Mateen ber-
bual mesra
bersama
menteri-
menteri
kabinet
di majlis
sambutan
yang
diadakan
di Istana
Nurul Iman
pada 28
Disember
iaitu Hari
Raya
Pertama
(kiri).
Sementara
gambar
kanan,
baginda
dan Duli
Yang
Teramat
Mulia
berbual
mesra
bersama
para
diplomat
asing
berserta
isteri
masing-
masing
di majlis
sambutan
itu.

**Liputan
Haji Ahmad HS
Gambar-gambar oleh
Haranadi HB,
Amat HM dan
Masri Osman**



KEMESRAAN SENTIASA TERJALIN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berkenan berbual mesra dengan para diplomat asing ke negara ini dan para pembesar negara (atas kanan dan kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berbual mesra bersama Yang Dimuliakan Pehin-Pehin Menteri di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Istana Nurul Iman pada 28 Disember iaitu di Hari Raya Pertama (kiri). Sementara gambar kanan, baginda dan Duli Yang Teramat Mulia berbual mesra bersama para diplomat asing berserta isteri masing-masing di majlis sambutan itu.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan berbual mesra bersama Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke negara ini dan isteri di majlis sambutan itu. Juga kelihatan ialah Duta Besar Amerika Syarikat ke negara ini.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan berbual mesra bersama menteri-menteri kabinet di majlis sambutan yang diadakan setiap tahun di Istana Nurul Iman.

Majlis Penutup Tadarus di Hijau Baiduri



MAJLIS Penutup Tadarus sempena bulan Ramadan telah berlangsung di Balai Penghadapan Hijau Baiduri iaitu di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Baasith. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Oleh Haji Ahmad HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Disember. - Sempena berakhir membaca ayat-ayat suci Al-Quran sebanyak 30 juzuk, satu Majlis Penutup Tadarus sempena bulan Ramadan telah dilaksanakan di Balai Penghadapan Hijau Baiduri di sini.

Majlis dilaksanakan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Baasith.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid yang juga membacakan tahlil dan doa selamat.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain mendahului bacaan surah khatam Al-Quran.

Sementara doa tahlil dibacakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya.

Di majlis itu Dikir Marhaban disampaikan oleh pegawai-pegawai masjid yang mana doa dikir dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Hamidon.

Berangkat dan hadir di majlis itu termasuk Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, pengiran-pengiran peranakan, menteri-menteri kabinet, timbalan-timbalan menteri dan pegawai-pegawai kerajaan.

Majlis Khatam Al-Quran, Bertahlil anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, 22 Disember. - Kementerian Hal Ehwal Ugama mengadakan Majlis Khatam Al-Quran, Bertahlil dan Berbuka Puasa berlangsung di bangunan kementerian tersebut di Jalan Menteri Besar.

Hadir pada majlis itu ialah Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Majlis yang dikendalikan oleh Jabatan Pentadbiran dengan kerjasama Bahagian Perhubungan dan Kemajuan Syiar Islam itu juga dihadiri

Oleh
Sahari Akim

oleh pegawai-pegawai kanan serta kakitangan kementerian tersebut.

Antara tujuan majlis itu ialah untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama di samping menamakan rasa tanggungjawab bersama dalam mengukuhkan kegiatan berkegiatan.

Majlis itu merupakan kegiatan tahunan keagamaan bagi semua peringkat pegawai dan kakitangan kementerian itu dalam usaha menyemarakkan lagi suasana bulan Ramadan yang mulia ini.



MAJLIS Khatam Al-Quran, Bertahlil dan Berbuka Puasa telah berlangsung di bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama di Jalan Menteri Besar. Hadir di majlis itu ialah Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain, Menteri Hal Ehwal Ugama. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Fakir miskin dan mualaf terima agihan wang zakat

Oleh Samle Haji Jait

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Disember. - Fakir miskin dan mualaf di kawasan Mukim Sungai Kedayan telah menerima agihan wang zakat daripada Majlis Ugama Islam Brunei di Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Majlis penyerahan wang zakat sejumlah lebih \$57 ribu itu telah disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Ustaz Haji Harun bin Haji Junid.

Setiap ketua keluarga telah menerima sebanyak \$500.00 dan tanggungannya telah menerima sebanyak \$250.00, sementara bagi mualaf setiap ketua keluarga dan tanggungannya menerima sebanyak \$250.00 seorang.

Tahun ini seramai 3,609 permohonan fakir miskin dan 2,616 permohonan mualaf layak menerimanya seluruh negara yang mana bantuan berkenaan akan diagihkan sebanyak dua kali dalam setahun.

Bantuan dari Majlis Ugama Islam Brunei itu merupakan bantuan kepada mereka yang kurang berkemampuan dan mereka yang mempunyai tanggungan yang ramai dan masih bersekolah agar mereka dapat menyediakan keperluan keluarga masing-masing sempena menjelang Hari Raya nanti.



PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Ustaz Haji Harun bin Haji Junid ketika menyampaikan wang zakat kepada salah seorang fakir miskin dari Mukim Sungai Kedayan. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Aktiviti keagamaan di bulan Ramadan

Sambutan Nuzul Al-Quran anjuan Kem. Pendidikan

BERAKAS, 20 Disember. - Sambutan sempena Nuzul Al-Quran terus diadakan oleh pelbagai kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan di negara ini.

Kementerian Pendidikan mengadakan sambutan tersebut di kementerian berkenaan, manakala antara mereka yang hadir ialah Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad bin Jumat.

Selain itu, Setiausaha Tetap kementerian berkenaan, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim serta pegawai-pegawai kanan juga hadir.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-

Oleh Abdullah Asgar

Faatihah diketuai oleh Syeikh Ahmad Said Abdun yang kemudiannya diikuti dengan pembacaan ayat-ayat Al-Quran disampaikan oleh Awang Haji Jahri bin Haji Lamit.

Acara kemuncak diserikan dengan ceramah khas mengenai sejarah Nuzul Al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam secara berperingkat dalam bulan Ramadan yang disampaikan oleh penceramah daripada Pusat Da'wah Islamiyah Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Ismail Md. Arif.



PEMANGKU Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad dan Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan serta pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan ketika hadir di Majlis Nuzul Al-Quran anjuan kementerian tersebut. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Yayasan SHHB adakan Majlis Bertadarus, Khatamal Quran

Oleh Aliddin HM

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Disember. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dalam menyemarakkan lagi bulan yang mulia ini telah mengadakan Majlis Bertadarus, Khatamal Quran dan Bertahlil sempena bulan Ramadan yang mubarak ini di Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampong Bolkiah 'A' di sini.

Majlis pada hari itu bermula dengan bacaan Al-Quran 30 juz oleh para pembaca yang terdiri daripada guru-guru dan penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Ini kemudiannya diikuti dengan Majlis Khatamal Quran dan Bertahlil dan seterusnya diselenggarakan dengan Majlis Bersungkaik dan sembahyang Maghrib berjemaah.

Majlis seumpama ini adalah merupakan salah satu aktiviti tahunan yayasan di bulan Ramadan dan pada tahun ini, ianya julung kali diadakan di Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Kampong Bolkiah 'A'.

Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ini telah siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2000 dan mula digunakan pada 29 Rejab, 1421 Hijrah bersamaan 27 Oktober, 2000 Masihi yang lalu.

Di Negara Brunei Darussalam majlis seumpama itu sudah menjadi satu kelaziman yang diungkuhkan oleh pihak-pihak kerajaan, sektor swasta, persatuan, badan-badan amal dan orang perseorangan di negara ini dengan mengadakan majlis-majlis keagamaan apabila tiba bulan Ramadan yang mulia ini.

Hadir di majlis itu ialah Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, Ahli-ahli Jemaah Tadbir dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, pegawai-pegawai serta kakitangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, penduduk Kampong Bolkiah 'A' dan 'B' dan para jemputan yang lain.



PENGERUSI Lembaga Pengarah Yayasan SHHB, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, Ahli-ahli Jemaah Tadbir dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ketika hadir di Majlis Bertadarus, Khatamal Quran dan Bertahlil sempena bulan Ramadan yang berlangsung di Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Kampong Bolkiah 'A' di sini. - Gambar oleh Aliddin HM.

20 anak yatim ATLDB terima derma Hari Raya

Oleh Haji Ahat HI

MUARA, 22 Disember. - Seramai 20 orang anak-anak yatim bekas anggota Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB) masing-masing telah menerima derma mereka yang disampaikan oleh Pemerintah Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Penglima Kolonel (L) Haji Awang Abdul Jalil bin Ahmad.

Selain anak-anak yatim bekas anggota tentera laut, anak-anak yatim di Penanjong Garison juga menerima sumbangan yang sama yang disam-

paikan oleh Leftenan Kolonel Pengiran Haji Ramli bin Pengiran Haji Bunut bertempat di Surau Penanjong Garison.

Derma tersebut merupakan sumbangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) kepada semua anak-anak yatim ABDB bagi keperluan mereka untuk sama-sama menyambut serta merayakan hari lebaran.



PEMERINTAH Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Penglima Kolonel (L) Haji Awang Abdul Jalil ketika menyampaikan derma kepada anak-anak yatim bekas anggota Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



PEGAWAI-PEGAWAI serta kakitangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan penduduk Kampong Bolkiah 'A' dan 'B' di Majlis Bertadarus, Khatamal Quran dan Bertahlil di Masjid Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampong Bolkiah 'A'. - Gambar oleh Aliddin HM



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra bersama isteri para pembesar negara dan diplomat asing sempena dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEMESRAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam sentiasa terjalin. Gambar atas kelihatan baginda dan Duli Yang Teramat Mulia berkenan beramah mesra bersama para isteri pembesar negara dan diplomat asing ke negara ini yang hadir di Istana Nurul Iman bagi mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri.



BERANGKAT sama di majlis sambutan Hari Raya yang berlangsung di Istana Nurul Iman ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah No'rain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalihum Al-Islam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani dan Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar.

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna berkenan berbual mesra bersama isteri para diplomat asing ke negara ini yang sama-sama hadir di sambutan Hari Raya.

MENERIMA MENGADAP DAN JUNJUNG ZIARAH SEMPENA HARI RAYA

Gambar-gambar oleh Amat HM
dan Masri Osman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan bergambar kenangan bersama para isteri Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri.



BERANGKAT sama di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang diadakan di Istana Nurul Iman ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah.



YANG Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain berkenan berbual mesra bersama isteri pembesar negara di majlis sambutan itu.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bulqiah berkenan berbual mesra bersama para isteri diplomat asing ke negara ini (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani berkenan berbual mesra bersama isteri pembesar negara dan isteri Duta Besar Jepun ke negara ini.



Berkhatan di bulan Ramadan

DALAM kelekatan dan kesibukan ibu bapa di negara ini menyambut Hari Raya Aidilfitri, mereka tidak melepaskan peluang mengambil kesempatan di bulan Ramadan dengan mengkhatakan anak-anak mereka, selain menambahkan amal ibadat di bulan yang mulia ini. Seperti kita maklumi bahawa bulan Ramadan adalah bulan yang mulia di mana pahala akan dilipatgandakan.

Apa yang menjadi lazimnya, Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) akan menjadi tumpuan bagi berkhatan di negara ini bila menjelangnya percutian yang panjang seperti cuti Ramadan dan cuti persekolahan. Tetapi pada tahun ini, setelah langkah perubahan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan dengan menubuhkan beberapa pusat-pusat kesihatan untuk memberikan rawatan kepada pesakit luar dan juga beberapa perkhidmatan lain, termasuk memberikan perkhidmatan berkhatan atau bersunat, maka Rumah Sakit RIPAS tidak lagi menjadi tumpuan utama.

Dalam tinjauan pihak PELITA BRUNEI ke Pusat Kesihatan Gadong, ramai ibu bapa membawa anak-anak untuk tujuan berkhatan sejak pusat ini membukakan untuk perkhidmatan berkhatan pada 13 Disember yang lalu dan akan berakhir pada 20 Disember.

Menurut salah seorang pegawai yang bertugas di pusat tersebut berkata, perkhidmatan berkhatan adalah merupakan julung kalinya dikendalikan oleh Pusat Kesihatan Gadong sejak ianya dibukakan kepada orang ramai bagi beberapa perkhidmatan kesihatan dan pemeriksaan bagi pesakit luar.

Di samping itu, pusat ini juga banyak menerima pendaftaran yang dibuat lebih awal dan mereka juga menerima pendaftaran daripada ibu bapa pada hari yang sama dengan membawa anak-anak mereka.

Beliau juga menjelaskan, di pusat ini, sebanyak empat buah bilik telah disediakan bagi mengendalikan berkhatan dengan dua orang pegawai yang bertugas setiap bilik.

Sejak dibukakan kepada orang ramai ujarnya, pusat ini telah mengendalikan tidak kurang 70 hingga 80 orang bagi tujuan berkhatan setiap hari, yang mana bermula sebelah pagi sehingga selesai.

Menurutnya lagi, kebanyakan kanak-kanak yang berkhatan berumur dalam lingkungan tujuh hingga 12 tahun. Sebelum berkhatan dijalankan ke atas kanak-kanak katanya, pemeriksaan kesihatan lebih awal akan dilakukan oleh beberapa orang doktor yang bertugas bagi memastikan anak-anak berkenaan dapat menjalani berkhatan.

Di samping itu katanya, di bulan yang mubarak ini, pusat ini juga menerima pendaftaran daripada lima orang saudara-saudara baru yang baru memeluk agama Islam bagi tujuan berkhatan.

CERITA DAN GAMBAR-GAMBAR OLEH HAJI AHMAD HS

Di pusat itu, pihak PELITA BRUNEI juga sempat memebual seorang ayah yang juga membawa anak untuk tujuan berkhatan. Awang Haji Abu Bakar bin Sulaiman merasa sedikit perubahan dan bersetuju langkah yang dijalankan oleh pusat ini mengadakan pemeriksaan terlebih dahulu ke atas anak-anak yang akan dikhatan.

Langkah ini ujarnya, adalah sangat berlainan daripada tahun-tahun yang lalu, di mana katanya, apabila membawa anak-anak untuk berkhatan, anak-anak akan terus dibawa ke bilik berkhatan tanpa ada pemeriksaan dijalankan lebih awal.

Ketika ditanya mengenai pemeriksaan yang dijalankan, beliau berkata, memanglah pada peringkat awal di pusat ini menerima pelbagai masalah termasuk terdapat kesesakan di ruang



SEORANG Pegawai Perubatan di Pusat Kesihatan Gadong di Kampong Rimba memberikan penerangan ringkas mengenai dengan perkhidmatan berkhatan kepada seorang bapa yang membawa anak-anaknya berkhatan.

pemeriksaan, kerana pemeriksaan bagi anak-anak tersebut bercampur dengan pemeriksaan pesakit luar.

Dalam hubungan ini, beliau mencadangkan di masa-masa akan datang supaya pihak Pusat Kesihatan Gadong akan menyediakan bilik yang berasingan bagi pemeriksaan anak-anak yang akan berkhatan, agar pemeriksaan tersebut berjalan dengan lancar lagi bersistem.

Ketika ditanya mengenai Majlis Berkhatan pada zaman dahulu, beliau menjelaskan bahawa keadaan berkhatan jika dibandingkan dengan zaman serba moden adalah jauh sekali. Pada zaman dahulu, majlis berkhatan tidak dijalankan di rumah sakit seperti pada masa ini, majlis berkhatan dijalankan di kampung sahaja yang mana berkhatan itu dikendalikan oleh mereka yang mempunyai kemahiran.

Pihak PELITA BRUNEI juga difahamkan bahawa setiap kanak-kanak yang dikhatan akan mengambil masa sekurang-kurangnya 20 minit, dan tertakluk jika tidak menghadapi sebarang masalah. Bagi tujuan tersebut kebanyakan ibu bapa termasuk anak-anak mereka terpaksa bersabar menunggu giliran masing-masing.

Seorang kanak-kanak yang berkhatan, Awang Mohd. Zainulrifin yang berusia sembilan tahun yang kini menjalani percutian di bulan Ramadan telah menceritakan pengalamannya di mana katanya, peringkat awal perasaan takut sama sekali tidak ada dalam dirinya, malah merasa gembira kerana didampingi oleh kedua ibu bapanya dan juga kawan-kawan yang sama-sama berkhatan.

Menurutnya, "Apabila nombor dan nama saya dipanggil, perasaan saya secara tiba-tiba merasa takut lalu menangis sehingga saya membatalkan untuk berkhatan tetapi di atas kebijaksanaan kedua ibu bapa saya telah dapat memujuk saya dan semasa menjalani berkhatan itu untuk menghilangkan perasaan takut, ibu saya telah menyuruh membaca kalimat Allah dan ayat-ayat Al-Quran agar perasaan takut hilang dan berkhatan berjalan dengan baik."

Selesai berkhatan, adik Awang Mohd. Zainulrifin merasa bersyukur kepada Allah dan gembira sambil tersenyum kepada kawan-kawan yang se-

dang menunggu giliran.

Agama Islam telah mewajibkan setiap orang Islam untuk menjalani berkhatan pada usia yang bersesuaian. Bagi kanak-kanak lelaki usia yang sesuai untuk berkhatan adalah dalam lingkungan tujuh hingga 12 tahun. Anak perempuan pula amat berbeza dengan anak lelaki, kerana anak perempuan akan

dikhatan sebaik sahaja berusia sebulan atau lebih.

Sebagai kesimpulannya, kita di negara ini khusus umat Islam tidak akan leka dengan kesibukan dalam membuat pelbagai persediaan menyambut kedatangan Aidilfitri, dengan mengambill sukut dan keberkatan dalam bulan Ramadan untuk mengkhatakan anak-anak kita.

AGAMA Islam telah mewajibkan setiap orang Islam untuk menjalani berkhatan pada usia yang bersesuaian. Bagi kanak-kanak lelaki, usia yang sesuai untuk berkhatan adalah dalam lingkungan tujuh hingga 12 tahun. Anak perempuan pula amat berbeza dengan anak lelaki, kerana anak perempuan akan dikhatan sebaik sahaja berusia sebulan atau lebih.



PEGAWAI-PEGAWAI perubatan yang bertugas menyediakan peralatan perubatan untuk berkhatan.



IBU BAPA sibuk memujuk anak-anak mereka supaya tidak merasa takut untuk berkhatan.



KANAK-KANAK yang mengambil kesempatan berkhatan di bulan Ramadan sedang menunggu giliran untuk dikhatan.

DALAM pembangunan di tahun 2000 dan seterusnya wanita memainkan peranan dalam pendidikan di alaf ke-21.

Dalam hubungan ini terdapat beberapa peranan wanita yang berkaitan dengan pendidikan dan perkembangan pendidikan. Empat peranan wanita yang menonjol yang boleh dikaitkan dengan pendidikan ialah pertama, peranan wanita sebagai ibu dalam pendidikan; kedua, peranan wanita sebagai ahli masyarakat dalam pendidikan; ketiga, peranan wanita sebagai warga negara dalam pendidikan dan keempat, peranan wanita sebagai individu dalam pendidikan.

Dalam keluarannya kali ini PELITA BRUNEI ingin mendedahkan mengenai peranan wanita sebagai ibu dalam pendidikan, iaitu sebahagian topik Peranan Wanita Dalam Pendidikan yang antaranya telah didedahkan oleh Penolong Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (Pengajian Lulusan Ijazah Penyelidikan dan Perkembangan), Pengiran Dr. Hajah Rahmah binti Pengiran Haji Mohd. Jadid.

Semasa membentangkan kertas kerjanya di Seminar Sehari Wanita Negara Brunei Darussalam Dalam Pembangunan Pada Tahun 2000 Dan Tahun-tahun Mendatang yang diadakan pada 29 Oktober, 2000, penceramah menekankan beberapa tanggungjawab yang perlu dimainkan oleh para ibu.

Di kesempatan ini PELITA BRUNEI mendedahkan kertas kerja yang telah dibentangkan menyentuh mengenai peranan wanita sebagai ibu dalam pendidikan.

PERANAN WANITA SEBAGAI IBU DALAM PENDIDIKAN

Dalam tajuk di atas penceramah menekankan bahawa ibu adalah orang yang penting dalam pendidikan seseorang itu dan ibu merupakan sebagai pengasuh atau guru pertama dalam hidup.

"Dari hari pertama ia lahir hinggalah umurnya sampai kepada lima hingga tujuh tahun adalah masa yang paling kritikal bagi perkembangan seseorang itu kerana dalam masa tersebut bukan sahaja pertumbuhan fizikal yang berlaku tetapi juga pelbagai perkembangan yang lain seperti perkembangan kemahiran, mental, emosi dan keperibadiannya juga berlaku," jelas Pengiran Dr. Hajah Rahmah dalam kertas kerja berkenaan.

Mengikut penyelidikan dan ahli psikologi pengaruh pendidikan awal ini bukannya sahaja penting bagi seseorang kanak-kanak pada masa itu tetapi juga akan memberi kesan kepada masa depannya oleh kerana apa juga yang dipelajarinya adalah asas pengetahuan, kemahiran dan pengalamannya di masa akan datang.

Di rumah katanya, kanak-kanak belajar secara tidak langsung melalui pengajaran, pengalaman, permainan, pengamatan, teladan dan pendedahan.

Pendedahan yang paling banyak diterima oleh kanak-kanak di rumah ialah melalui menonton televisyen, video, cakera padat dan sebagainya di samping bermain permainan video atau komputer.

Ada daripada pendedahan tersebut berbentuk pendidikan yang bersesuaian dan ada pula yang berbentuk bukan pendidikan yang mung-

OLEH SITI MUSLIHAT HS

kin akan memberi kesan yang negatif.

Oleh sebab itu ibu yang mengasuh anak-anaknya dan banyak menghabiskan masa bersama dengan mereka, ia mempunyai pengaruh besar terhadap pendidikan anak-anak mereka di rumah.

Dalam hubungan ini penceramah menekankan para ibu supaya memata-matai dan memantau aktiviti anak-anak di rumah, menggalakkan mereka membuat aktiviti-aktiviti yang boleh memberikan pengetahuan, pengalaman, pandangan dan pemikiran yang positif.

Selain itu memantau isi pendidikan anak-anak secara menyeluruh sama ada pendidikan yang diterima di rumah, di sekolah dan di luar sekolah dan rumah juga adalah penting, katanya.

Kertas kerja tersebut juga menggariskan kenyataan di mana kebanyakan ibu-ibu bekerja dan mempunyai karier memerlukan banyak masa.

Namun demikian para ibu disarankan berusaha supaya pendidikan anak-anak terlaksana dengan jayanya dan tidak mengabaikan keperluan keluarga kerana ini adalah tanggungjawab ibu semata-mata bagi kesempurnaan hidup dan masa depan anak-anak.

Dalam kertas kerja tersebut penceramah seterusnya menggariskan beberapa perkara penting dalam pendidikan anak-anak yang perlu diutamakan oleh ibu dan mereka yang mendidik anak-anak.

Antaranya ialah mengajarkan anak-anak tentang kemahiran diri seperti mengurus diri, mengurus masa, berdiskari dan sebagainya di samping mendisiplinkan diri mereka menjaga dan menghargai diri, harta benda dan masa.

Mendisiplinkan mereka menjaga tingkah laku, menanamkan sikap positif, membimbing anak-anak berfikir, mengembangkan pemikiran dan membimbing mereka berkomunikasi juga adalah antara ciri-ciri yang perlu ditekankan sama, katanya.

Peranan wanita sebagai ibu dalam pendidikan



PENGIRAN Dr. Hajah Rahmah.... "Ibu adalah orang yang paling penting dalam pendidikan dan ibu merupakan sebagai pengasuh atau guru pertama dalam hidup."

Di samping itu membantu anak-anak mengembangkan kemahiran belajar, membimbing dan menyesuaikan diri mereka dengan perubahan-perubahan serta mendedahkan kepada persediaan bersekolah di peringkat sebelum sekolah juga termasuk perkara-perkara yang perlu diberikan penekanan kepada kanak-kanak.

Sebagai rumusan bagi topik di atas, Penolong Naib Canselor UBD turut memberikan penekanan terhadap perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian kepada anak-anak dari peringkat sebelum bersekolah, peringkat sekolah rendah dan peringkat sekolah menengah.

Di peringkat sebelum bersekolah seberapa awal yang boleh, para ibu disarankan agar mendidik anak-anak mereka dengan perkara-perkara yang telah digariskan di atas bermula dengan yang senang difahami, dibuat dan dipelajari di samping juga perkara-perkara yang susah.

Di peringkat ini ibu berperanan sebagai guru kerana ibu adalah sumber utama pen-

didikan anak-anaknya di waktu itu.

Di peringkat sekolah rendah ibu-ibu disarankan supaya meneruskan pendidikan yang diberikan itu tetapi hendaklah diperluaskan dan disesuaikan dengan pertumbuhan dan perkembangan anak-anak tersebut.

Dalam hubungan ini sokongan dan bantuan pendidikan sekolah seperti memudahkan atau menyelia anak-anak membuat kerja rumah, kerja projek, membaca dan sebagainya hendaklah juga diberikan.

Di peringkat sekolah rendah ini disiplin perlu dikuatkan kerana anak-anak di peringkat ini baru mula belajar berdiskari setelah bercerai dari ibu mereka, jelas Pengiran Dr. Hajah Rahmah.

Di tahap kanak-kanak sebegini mereka belum yakin akan diri sendiri dan sangat senang dipengaruhi oleh orang lain. Disebabkan itu kehadiran ibu adalah penting bagi anak-anak tersebut untuk sandaran apabila mereka memerlukan mereka.

Peranan sebaik-baiknya bagi ibu di saat ini adalah sebagai pemudah cara bukannya guru, bersedia memberi bantuan jika diperlukan dan menggalakkan mereka berdiskari di mana-mana mereka dipercayai berkemampuan.


Sementara di peringkat sekolah menengah, Pengiran Dr. Hajah Rahmah berpendapat anak-anak masih lagi memerlukan pendidikan informal dari ibu dan keluarga.

Walau bagaimanapun keperluan semula jadi nya di peringkat umur remaja adalah paling mencabar sekali.

Kebanyakan mereka ingin mencuba terutamanya sekali perkara yang dilarang atau yang tidak digalakkan.

Melihat akan tekanan daripada teman sebaya yang kuat, para ibu dalam mendidik anak-anak, diharap agar mendisiplinkan dan memberikan pengawasan disiplin anak-anak remaja dengan cara fleksibel dan tidak keterlaluan.

Dalam hubungan ini penceramah menegaskan bahawa ibu ialah sebagai kawan yang boleh memahami, bersimpati dan berkongsi pemikiran untuk mengatasi masalah mereka dan sebaiknya mendapatkan kepercayaan mereka.



DI PERINGKAT sekolah rendah ibu-ibu perlu memberi sokongan dan bantuan pendidikan termasuk membuat kerja rumah, kerja projek dan sebagainya.

IBU boleh disifatkan berperanan sebagai kawan yang boleh memahami, bersimpati dan berkongsi pendidikan untuk mengatasi masalah dan mendapatkan kepercayaan anak-anak.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengumukan titah sempena Tahun Baru 2001 Masihi.

Pemulihan semula ekonomi akan terus dijalankan - titah

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, langkah-langkah ke arah pemulihan semula ekonomi akan terus dijalankan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara yang berterusan dapat dicapai mengikut keutamaan serta keperluan negara.

Beberapa projek kerajaan seperti perumahan, pembinaan jalan raya dan kemudahan-kemudahan asas serta projek kemajuan yang lain titah baginda, terus dijalankan semata-mata bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Kerajaan, titah baginda, akan terus memberikan keutamaan terhadap ilmu pengetahuan dan

Oleh
Bolhassan HAB

pendidikan untuk mencapai pembangunan dan kemajuan yang dihasratkan itu.

"Ini adalah kerana dalam persaingan yang pesat di kalangan negara-negara dunia hari ini, kepandaian dan kemahiran di pelbagai bidang adalah sangat-sangat diperlukan," titah baginda sempena Tahun Baru 2001 Masihi yang disiarkan oleh Radio Televisyen Brunei.

Baginda menambah, mana-mana masyarakat atau negara yang tidak mencapai paras pendidikan yang tinggi, lebih-lebih lagi dalam bidang teknologi dan teknologi maklumat akan tertinggal kerana ia merupakan realiti dari proses globalisasi yang tidak dapat dielakkan oleh mana-mana negara.

"Kaum belia yang merupakan kumpulan majoriti di

negara kita, perlulah menyedari hakikat ini dari awal-awal lagi kerana pembangunan dan kecermerlangan masa depan negara banyak bergantung kepada mereka," titah baginda.

Tidaklah dapat dinafikan betapa mustahaknya sumber-sumber hasil semula jadi kepada pertumbuhan dan kemajuan sebuah negara, akan tetapi, titah baginda, sumber yang paling utama hari ini adalah sumber tenaga manusia.

Dalam pada itu titah baginda, nilai-nilai agama yang luhur dan akhlak yang tinggi serta kejujuran, amanah dan taat setia hendaklah pula terus dititikberatkan dan jangan sekali-kali diabaikan.

Titah baginda, "Perkara ini adalah mustahak supaya pembangunan dan kemajuan yang dicapai akan mendapat berkat dan dapat bertahan lama."

Baginda seterusnya bertitah, sesebuah masyarakat yang sentiasa mementingkan pemedu-

lian, bersopan santun dan kasih sayang yakin 'caring society' perlulah mengamalkannya dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara serta dalam amalan hidup seharian.

Ke arah itu, seru baginda, anggota-anggota perkhidmatan awam serta mereka yang memberikan perkhidmatan perlulah berkhidmat dengan cemerlang serta mempunyai sifat-sifat luhur dalam makna mengamalkan etika kerja yang jujur.

Demikian juga kepada mereka yang berkhidmat dengan sektor swasta, penglibatan dan sumbangan bakti serta peningkatan produktiviti mereka adalah sama-sama diperlukan bagi pertumbuhan dan pembangunan negara, titah baginda.

"Berkat perpaduan, permuafakatan dan persefahaman serta suasana kehidupan yang harmoni, insya-Allah kemakmuran, kesejahteraan dan kestabilan negara akan terus terjamin," titah baginda.

Sama-sama jayakan TMB 2001 - titah

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Januari. - Rakyat dan penduduk di negara ini sama-sama berpeperanan untuk menjayakan dua acara penting apabila Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak Formal ASEAN Ketujuh di samping menganjurkan Tahun Melawat Brunei pada tahun ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, perkara tersebut merupakan satu lagi cabaran kepada kemampuan dan komitmen negara khasnya dari segi pelancangan.

"Ianya bukan setakat ditanai oleh pihak-pihak tertentu sahaja malahan rakyat dan penduduk di negara ini juga turut mempunyai peranan untuk menjayakannya dalam menarik minat pelancong berkunjung ke negara ini dan memberikan imej yang baik mengenainya," titah baginda sempena Sambutan awal Tahun Baru 2001 Masihi yang disiarkan melalui Radio Televisyen Brunei.

Kesemuanya itu, titah baginda, sudah tentu memerlukan perancangan dan persiapan yang teratur di samping kerjasama serta semangat saling bantu-membantu dan persefahaman yang erat dari semua pihak untuk memastikan kejayaannya.

Terdahulu dari itu, baginda bertitah menggariskan kejayaan negara pada tahun lepas apabila menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Ketua-ketua Ekonomi APEC 2000.

"Berkat usaha padu dan kerjasama dari semua pihak serta rakyat dan penduduk negara ini, Alhamdulillah dengan penuh kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, Negara Brunei Darussalam dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua telah dapat mengendalikan sidang kemuncak tersebut dengan jayanya," titah baginda.

Baginda seterusnya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat baik di sektor kerajaan mahupun swasta yang telah bekerja keras serta memberikan sumbangan dalam menjayakannya.

Titah baginda, "Beta juga mengucapkan tahniah serta syabas kepada sekalian ahli-ahli jawatankuasa APEC termasuk ahli-ahli jawatan-

Oleh Bolhassan HAB

kuasa kerja serta para sukarelawan yang telah menjalankan tugas masing-masing dengan penuh dedikasi tanpa menghadapi sebarang kejadian yang tidak diingini, baik dari segi keselamatan mahupun dari aspek-aspek yang lain."

Pengalaman yang dilalui semasa menjadi tuan rumah kepada APEC itu, titah baginda, amatlah berguna kepada negara dalam memainkan peranan serta menunaikan tanggungjawab dan sumbangan negara selaku anggota masyarakat serantau mahupun di peringkat antarabangsa.

Negara Brunei Darussalam turut berkesempatan menyertai Mesyuarat penting pada tahun lalu termasuk Millennium Summit Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Mesyuarat Asia-Eropah di Republik Korea dan Sidang Kemuncak Tidak Formal ASEAN Kali Ke-4 di Republik Singapura.

Dari muka 1

Titah baginda, caranya janganlah lari daripada ugama, peliharalah akidah dan keimanan, tingkatan takwa kepada Allah, banyakkah aktiviti kebajikan dan tutup segala pintu kemungkaran yang boleh menimbulkan murka Allah.

"Kepada muda-mudi harapan bangsa, bertindaklah lebih bijaksana, sementara di pihak ibu bapa pula peranan mereka adalah besar untuk melahirkan belia-belia yang baik yang berakhlak tinggi.

"Mereka adalah ejen terpenting selain daripada sekolah untuk melahirkan belia-belia yang baik lagi berwibawa.

"Belia-belia yang baik adalah nikmat atau aset paling mahal, kerana itu, beruntunglah sesebuah negara yang mempunyai belia-belia yang sedemikian itu, beta yakin Negara Brunei Darussalam adalah mempunyai potensi yang besar ke arah itu," tegas baginda.

Berhati-hati menyambut perayaan Hari Raya

Oleh Samle HJ

PASUKAN Polis Diraja Brunei menasihatkan orang ramai supaya lebih berhati-hati sepanjang menyambut perayaan Hari Raya agar kemeriahan sambutan itu tidak bertukar menjadi kedukaan.

Ketua Perhubungan Awam Pasukan Polis Diraja Brunei, ASP Awang Haji Abdul Murad berkata, orang ramai perlu mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini seperti jenayah, mencuri, kemalangan, kebakaran dan sebagainya.

Beliau ketika ditemui menasihatkan supaya orang ramai memastikan keadaan rumah dalam keadaan selamat sebelum ditinggalkan dengan memaklumkan kepada jiran sebelah untuk diperhatikan, pintu dan jendela dalam keadaan berkunci selain memastikan alat-alat elektrik dalam keadaan selamat dan terjamin.

Menyentuh mengenai permainan mercun dan bunga api, pihak polis juga mengingatkan kepada orang ramai terutama sekali kepada ibu bapa supaya melarang anak-anak mereka dari permainan itu.

"Permainan mercun dan bunga api boleh mendatangkan bahaya kepada diri mereka dan orang lain selain boleh mendatangkan kerugian kepada masyarakat yang terlibat seandainya kebakaran berlaku," jelas ASP Awang Haji Abdul Murad.

Menurut Peraturan 15, mana-mana orang yang didapati melanggar dan sabit kesalahan boleh dihukum penjara tidak kurang 5 tahun dan tidak melebihi 15 tahun dan juga akan dihukum sebat tidak kurang dari 3 sebatan dan tidak melebihi 12 sebatan.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri tidak semestinya diraikan dentuman bunyi mercun sebaliknya umat Islam digalakkan untuk bertakbir memuji

kebesaran Allah.

Memang tidak dinafikan segelintir ibu bapa turut menggalakkan anak-anak mereka bermain mercun dan bunga api yang berbahaya sehingga ada yang sanggup membeli beratus ringgit untuk menunaikan keinginan anak mereka dan sanggup menyeludup secara haram dari negara jiran.

Sepatutnya sikap itu hendaklah dikikis di sanubari setiap masyarakat (ibu bapa) demi untuk menghormati dan menghayati serta mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam Peraturan Arms and Explosive.

Peraturan yang diluluskan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu bertujuan untuk menjaga keselamatan dan keharmonian rakyat dan negara ini.

Sepanjang kemeriahan berhari raya, pasukan polis juga menyarankan ibu bapa agar tidak membenarkan anak-anak mereka memandu kenderaan tanpa mempunyai lesen memandu yang sah.

Menurut Kesalahan Lalu Lintas di bawah Seksyen 26 (1) Akta Lalu Lintas Cap 68, mereka boleh didenda sehingga \$10,000.00 atau dipenjarakan 12 bulan bagi kesalahan pertama.

Sikap penting keselamatan, prihatin kepada ketenteraman oleh semua masyarakat sudah pasti akan menambahkan lagi kemeriahan hari kemenangan umat Islam pada tahun ini dengan lebih bermakna dan penuh syukur selain bergembira bersama keluarga, saudara-mara dan sahabat handai.

'SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI DAN SELAMAT TAHUN BARU 2001'

ترتيبكن اوله جباتن قنراشن، جباتن فردان منري دان دجيتق اوله جباتن فرجيتقن كراجان، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

Kunjung-mengunjungi di Hari Raya Aidilfitri

TANGAN DIHULUR SEPULUH JARI AMPUN MAAF SAMA DIPINTA

YANG dekat kunjung-mengunjungi, yang jauh berkirim salam, yang lagi jauh berkirim surat, yang tua dihormati, yang muda disayangi dan yang kecil dikasihi, tangan dihulur sepuluh jari, ampun maaf sama dipinta penyuci hening dosa. Ungkapan-ungkapan itu sinonim kepada budaya masyarakat kita dan lebih terserlah dalam suasana Hari Raya.

Adat resam dan tradisi zaman-berzaman selaras dengan ajaran Islam ini masih kukuh bertapak di kalangan masyarakat kita meskipun suasana dan persekitaran sudah banyak berubah di era moden ini. Nilai-nilai murni ini mampu dikekalkan dengan adanya ikatan kekeluargaan dan semangat bermasyarakat yang masih kukuh dipertahankan.

Keheningan dan kesyahduan takbir dari masjid-masjid dan surau-suru juga menerusi stesen-stesen radio dan televisyen menyusuk ke sanubari kaum Muslimin dan Muslimat. Di samping syahdu dengan pelbagai kenangan silam umat Islam juga bergembira menyambut kedatangan Syawal lebih-lebih lagi bagi mereka yang telah berjaya menunaikan ibadah puasa dan mampu mengawal nafsu amarah sepanjang ibadah tersebut.

Awal pagi lagi umat Islam sudah siap siaga untuk pergi ke masjid atau surau bagi menunaikan sembahyang sunat Hari Raya. Mereka berzikir dan bertahmid memuji kebesaran Allah, memohon kemampuan, memanjatkan kesyukuran atas nikmat yang dikurniakan dan memohon doa agar sentiasa di dalam pemeliharaan-Nya.

Dalam suasana kemeriahan sambutan Hari Raya pada setiap tahun, salah satu yang dituntut ialah mengeratkan silaturahmi sesama keluarga dan handai taulan. Kunjung-mengunjungi ke rumah kaum kerabat, jiran-jiran dan kawan-kawan sambil bermaaf-maafan dan menikmati judah menambahkan lagi kemesraan yang sudah sedia terjalin.

Biasanya setelah selesai menunaikan sembahyang sunat Hari Raya, seisi keluarga akan berkumpul. Anak-anak berzarah mencium tangan ayah dan ibu mereka untuk memohon keampunan. Isteri mencium tangan suami bagi sama-sama memohon keampunan dan kemaafan. Begitu pula seterusnya antara adik-beradik yang lain.

Anak-anak yang sudah berkeluarga dan tidak tinggal bersama orang tua bersama anak isteri mereka akan pulang dan berkumpul di rumah ibu bapa atau mertua, biasanya di pagi raya pertama. Kemeriahan dan suasana syahdu amat terasa bersama ibu bapa, anak cucu, adik-beradik dan ipar duai.

Bagi yang tinggal jauh di ibu kota, daerah-daerah atau bertugas dan belajar di luar negeri mereka akan memanfaatkan Aidilfitri Al-Mubarak itu untuk pulang ke kampung atau balik bercuti ke negara ini untuk meraiikannya bersama keluarga.

Kehangatan dan kemeriahan Hari Raya lebih-lebih lagi dirasakan oleh golongan kanak-kanak. Di samping bergembira bersama kawan sebaya dan menikmati hidangan Hari Raya, mereka juga menerima sampul surat hijau mengandungi wang yang dihulurkan oleh orang yang lebih tua.

OLEH SAHARI AKIM

Tidak dilupai termasuklah kaum keluarga yang sudah kembali ke rahmatullah. Kebanyakan keluarga akan pergi ke tanah perkuburan menghidahkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, membaca Surah Yaasiin dan bertahliil memohon rahmat agar roh para arwah akan mendapat keampunan daripada Allah Subhanahu Wataala.

Juga tidak dilupakan ialah golongan yang kurang berkemampuan terdiri daripada fakir miskin, anak-anak yatim, janda-janda, orang-orang yang cacat anggota dan sebagainya. Setiap tahun mereka menerima sumbangan daripada agensi-agensi kerajaan, swasta, persatuan-persatuan bukan kerajaan dan orang ramai berbentuk wang, barangan, pakaian dan makanan.

Zakat fitrah yang diwajibkan ke atas setiap umat Islam juga diberikan kepada golongan yang berhak menerimanya. Keprihatinan dan pengalangan menurut anjuran Islam itu tentunya akan membuat dan memperkukuhkan ukhuwah di kalangan umat Islam. Hendaknyalah golongan yang kurang berkemampuan itu akan dapat sama-sama merasakan suasana Hari Raya.

Syawal datang dan pergi setiap tahun. Mudah-mudahan kita akan sentiasa diberkati oleh Allah Subhanahu Wataala. Dilimpahi taufik dan hidayah. Dikurniakan umur yang panjang, badan sihat serta murah rezeki yang dengannya kita akan dapat mengerjakan amal ibadat dan berbakti kepada bangsa dan negara.



GAMBAR HIASAN Ziarah menziarahi di Hari Raya Aidilfitri amat digalakkan oleh Islam. Gambar atas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berkenan menerima junjung ziarah golongan istimewa di Majlis Sambutan Hari Raya yang berlangsung di Istana Nurul Izzah, Jerudong.



GOLONGAN istimewa yang terdiri daripada anak-anak yatim, orang cacat anggota dan sebagainya diraikan di Majlis Sambutan Hari Raya.

Bantuan derma anak-anak yatim dan golongan kurang bernasib baik :

KEPRIHATINAN masyarakat di negara ini yang sentiasa peka serta bermurah hati sesama insan dalam menghulurkan bantuan-bantuan kepada anak-anak yatim serta golongan yang kurang bernasib baik amat disanjung tinggi.

Sifat penyayang yang disertai dengan kemurahan menghulurkan sumbangan sedemikian itu sangat dialu-alukan dalam meringankan beban para penjaga anak-anak yatim dan masyarakat yang kurang bernasib baik untuk turut sama menikmati kemeriahan menyambut Hari Raya.

Sekali gus, melalui sumbangan itu akan dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahmi dan semangat perpaduan dalam melahirkan suasana kehidupan harmoni, sesama anggota masyarakat.

Menurut Penghulu Mukim Berakas 'B', Awang Haji Ismail bin Apang, yang ditemui di Majlis Penyampaian Derma Anak-anak Yatim Kampong Sungai Tilong menyatakan, kepekaan orang ramai dalam sama-sama memberikan sumbangan dan bantuan kepada mereka yang kurang bernasib baik memperlihatkan masyarakat di negara ini mempunyai sifat penyayang.

Sikap sedemikian itu tam-bahnya, sangat dituntut serta dialu-alukan bagi meringankan beban mereka yang memerlukan, yang juga sekali gus sama-sama meraikan hari yang mulia, Hari Raya.

Perkara ini katanya, juga merupakan sebahagian daripada tanggungjawab semua pihak dan bukan semata-mata dibebankan kepada agensi-agensi kerajaan untuk menanganinya.

"Jadinya kita berharap masyarakat dan orang ramai akan terus tampil memberikan bantuan dan sumbangan sedemikian itu bukan saja pada hari-hari tertentu atau hari-hari kebesaran malahan apa jua waktu, masa, atau keadaan teruskan hulurkan bantuan," terangnya.

Bagi pasangan anak yatim adik-beradik, Awang Mohd. Abdul Wafiy bin Yakub, 15 tahun dan adiknya Awang Mohd. Abdul Waiey bin Yakub, 9 tahun yang menerima sumbangan daripada Majlis Perundingan Kampong Sungai Tilong, Mukim Berakas 'B' menyatakan rasa terima kasih mereka



MENERIMA SUMBANGAN ... Seorang anak yatim menerima sumbangan derma daripada Majlis Perundingan Kampong Sungai Tilong, Mukim Berakas 'B' yang disampaikan oleh Penghulu Mukim Berakas 'B', Awang Haji Ismail bin Apang.

dengan sumbangan yang dihulurkan itu.

Kedua mereka menyifatkan sumbangan tersebut memperlihatkan masyarakat negara ini mempunyai sifat 'inda camah mata' dalam mengalinga ma-

SUMBANGAN MASYARAKAT DISANJUNG TINGGI

OLEH HAJI AHAT HAJI ISMAIL
GAMBAR-GAMBAR OLEH
PG. RAFEE PDPHM

dapat membantu meringankan perbelanjaan penjaganya.

Dia bersama dua orang adiknya, Awangku Mohd. Hazri dan Awangku Mohd. Hazrol yang menerima bantuan derma yang disampaikan oleh Pemerintah Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Penglima Kolonel Haji Awang Abdul Jalil menyatakan sumbangan yang mereka terima itu memperlihatkan ingatan ikhlas ABDB yang sentiasa komited kepada keluarga bekas anggota tentera.

"Mudah-mudahan jasa baik yang mereka hulurkan kepada kami ini akan mendapat balasan pahala daripada Allah Subhanahu Wataala jua amin" tegasnya.

Awang Mohd. Abu Sahreel bin Yaakub, anak kepada Allahyarham PW2 (L) Yaakub juga menyatakan harapan yang serupa kepada para penderma yang memberikan bantuan derma anak-anak yatim agar mendapat ganjaran pahala.

"Dengan sumbangan itu sekurang-kurangnya saya bersama anak-anak yatim yang lain akan dapat berbelanja atau menggunakan untuk keperluan yang dikehendaki," katanya.

Sesungguhnya rasa tanggungjawab dan komited masya-

rakat yang sedia menghulurkan sebarang bantuan itu dilihat sebagai satu cara bagi mendekati golongan yang kurang bernasib baik untuk bersama-sama merasakan kegembiraan Hari Lebaran.



"KEPEKAAN orang ramai dalam sama-sama memberikan sumbangan dan bantuan kepada mereka yang tidak bernasib baik memperlihatkan masyarakat di negara ini mempunyai sifat penyayang," terang Penghulu Mukim Berakas 'B', Awang Haji Ismail bin Apang.

sarakat yang kurang bernasib baik.

Awang Mohd. Wafiy yang menuntut di Sekolah Menengah Sayidina Ali berkata, "Dengan sumbangan yang kami terima ini sekurang-kurangnya akan dapat kami pergunakan bagi membeli keperluan-keperluan tertentu seperti buku-buku sekolah dan sebagainya."

Rasa terima kasih dan penghargaan setinggi-tingginya juga diluahkan oleh Dayang Noor-insan binti Haji Omar di atas sumbangan derma orang ramai kepada anak-anak yatim.

Beliau menuntut di Sekolah Menengah Berakas berkata,

melalui derma yang diterimanya itu dapat membantu bagi perbelanjaan Hari Raya serta keperluan persekolahan yang akan bermula Januari depan.

"Saya amat berbesar hati mengucapkan terima kasih kepada mereka yang menghulurkan sumbangan ini di mana melalui bantuan ini akan dapat digunakan bagi keperluan sekolah dan Hari Raya," jelasnya.

Bagi anak Allahyarham Lans Koperai (L) Pengiran Johari, Dayangku Siti Norhayani binti Pengiran Johari menjelaskan, sumbangan yang diterimanya daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei itu

"JADINYA kita berharap masyarakat dan orang ramai akan terus tampil memberikan bantuan dan sumbangan sedemikian itu bukan saja pada hari-hari tertentu atau hari-hari kebesaran malahan apa jua waktu, masa atau keadaan teruskan hulurkan bantuan."



MASYARAKAT kita 'inda camah mata, dalam mengalinga golongan yang kurang bernasib baik Awang Mohd. Abdul Wafiy bin Yakub.



SAYA amat berbesar hati dan mengucapkan terima kasih kepada mereka yang menghulurkan sumbangan Dayang Noorinsan binti Haji Omar.



SUMBANGAN yang kami terima ini sekurang-kurangnya akan dapat kami pergunakan bagi membeli keperluan tertentu Awang Mohd. Abdul Waiey.

Golongan berada bertanggungjawab bantu mereka yang kurang berkemampuan

MARILAH bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan melakukan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala apa jua larangan-Nya, mudah-mudahan segala amal salih yang kita kerjakan itu akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wataala.

Kita semua masih dalam keadaan dan suasana kegembiraan dalam menyambut Aidilfitri, berziarah dan kunjung-berkunjung, membuat rumah-rumah terbuka menjamu kaum keluarga dan sahabat handai. Beginilah sudah menjadi adat kebiasaan atau tradisi kaum Muslimin di tanah air, setahun sekali ziarah-menziarahi dan setahun sekali saling maaf-bermaafan. Adat seperti ini amat baik sekali dan perlu dihidupkan asalkan tidak sampai menjurus kepada sifat keborosan sehingga termasuk dalam golongan orang membazir, membuang wang dan harta dengan berlebihan seperti menghidangkan makanan yang terlalu banyak dan beraneka rupa sehingga tidak habis dimakan. Jikalau demikian caranya, maka yang asalnya baik menjadi tidak baik, yang asalnya sunat lalu menjadi maksiat dan mungkar. Adapun kalau dilak-

sanakan sebagaimana sepatutnya maka itulah yang dikehendaki oleh syariat Islam.

Bersedekah amat dituntut dan digalakkan, malah menjadi tanggungjawab golongan berada membantu mereka yang kurang kemampuan. Cuma sikap yang memberi atau menerima harus diperbetulkan. Membudayakan Hari Raya sebagai masa mengumpul dan mengutip duit di kalangan kanak-kanak hendaklah diperbetulkan. Keadaan seumpama ini menyebabkan kanak-kanak lupa tujuan merayakan Hari Raya sebenar, bahkan mereka datang menziarahi rumah orang semata-mata inginkan duit bukan untuk hubungan silaturahim dan maaf-maafan.

Dan waktu yang baik ini, peluang kita untuk memohon ampun dan maaf kepada kesalahan-kesalahan terhadap sesama insan agar setiap amal kebajikan yang kita lakukan menjadi rugi dan sia-sia hanya disebabkan tidak mahu meminta

BERSEDEKAH amat dituntut dan digalakkan, malah menjadi tanggungjawab golongan berada membantu mereka yang kurang kemampuan. Cuma sikap yang memberi atau menerima harus diperbetulkan. Membudayakan Hari Raya sebagai masa mengumpul dan mengutip duit di kalangan kanak-kanak hendaklah diperbetulkan. Keadaan seumpama ini menyebabkan kanak-kanak lupa tujuan merayakan Hari Raya sebenar, bahkan mereka datang menziarahi rumah orang semata-mata inginkan duit bukan untuk hubungan silaturahim dan maaf-maafan.

maaf kepada orang yang dicaci dan dizalimi. Amalan maaf-bermaafan ini bukan hanya menanti bila tiba Hari Raya, akan tetapi sewajarnya dilakukan dengan segera. Demi mengukuhkan ikatan persaudaraan agar terus menjadi

erat dan mesra.

Bermaaf-maafan dan kunjung-mengunjungi kepada sahabat handai, kaum kerabat, rakan taulan dan jiran tetangga yang dilakukan di Hari Raya patut diteruskan sebagai tanda per-



Suara dari mimbar

saudaraan dan silaturahim. Dalam pada itu patut diingat, bahawa dalam asyik berkunjung ke rumah-rumah bersilaturahim dan bermaaf-maafan maka janganlah sampai tertinggal sembahyang atau melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan lunas-lunas yang ditentukan oleh agama Islam.

Marilah kita menyambut Hari Raya dengan cara yang sederhana tetapi yang penting ia adalah melahirkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wataala. Ja-

nganlah pula kita korbakan kesan didikan daripada puasa itu kita kembali mengikut hawa nafsu, kepada perbuatan maksiat dan dusta, jiwa yang sudah dibersihkan dikotorkan semula pada Hari Raya. Fikiran yang dijernihkan dengan bacaan Al-Quran diracuni dengan kefahaman yang karut, perangai atau akhlak yang sudah pulih akan dirosakkan kerana dorongan syaitan. Walaupun bulan puasa telah berlalu, namun perjuangan memerangi hawa nafsu tidak akan turut berlalu. Di antara perkara atau amalan yang harus kita teruskan itu:-

1. Tahu menjaga masa dan menggunakannya dengan sebaik-baiknya.
2. Berjaya menahan diri, perasaan, kehendak hawa nafsu dan keinginan yang tidak wajar serta yang bertentangan dengan syariat.
3. Sikap gemar bersedekah, sifat pemurah, sifat suka menolong orang, mengeluarkan bantuan dan sifat belas ihsan.
4. Kesungguhan beribadat kepada Allah Subhanahu Wataala.
5. Sifat suka berjemaah di

masjid, bertemu muka dan bersatu padu dalam ikatan 'akhuwatu Islamiah.

6. Sifat tabah, sabar dan tahan diuji serta lain-lain lagi.

Mudah-mudahan sempena Syawal yang menjelma dan kita menyambut Tahun Masihi 2001 ini akan menjadi titik-tolak dan azam kepada kita untuk meneruskan segala amalan-amalan baik sama ada berupa ibadat atau perkara-perkara kebajikan.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ath-Thuur ayat 17 - 19 yang tafsirannya:-

"Sesungguhnya orang-orang yang bertakwa berada dalam Syurga dan kenikmatan. Mereka bersuka ria dengan apa yang diberikan kepada mereka oleh Tuhan mereka dan Tuhan mereka memelihara mereka dari azab neraka. Dikatakan kepada mereka: "Makan dan minumlah dengan enak sebagai balasan dari apa yang telah kamu kerjakan."

BERMAAF-MAAFAN dan kunjung-mengunjungi kepada sahabat handai, kaum kerabat, rakan taulan dan jiran tetangga yang dilakukan di Hari Raya patut diteruskan sebagai tanda persaudaraan dan silaturahim. Dalam pada itu patut diingat, bahawa dalam asyik berkunjung ke rumah-rumah bersilaturahim dan bermaaf-maafan maka janganlah sampai tertinggal sembahyang atau melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan lunas-lunas yang ditentukan oleh agama Islam.

وقت سمیع، امساك، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سمیع، امساك، شوروق دان ضحی باکی دایره بروای دان موارا مولای داری هاری رابو، 7 شوال 1421 برسمات 3 جنوری 2001 هیئت کھاری ثلاث، 13 شوال 1421 برسمات 9 جنوری 2001 اداله سفرت دباوه این :-

هجری	ظہر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحی	مسیحی
شوال									جنوری
7	12.26	3.48	6.20	7.35	4.56	5.06	6.29	6.54	3
8	12.27	3.48	6.21	7.36	4.57	5.07	6.29	6.54	4
9	12.27	3.49	6.21	7.36	4.57	5.07	6.29	6.55	5
10	12.27	3.49	6.22	7.36	4.58	5.08	6.30	6.55	6
11	12.28	3.50	6.22	7.37	4.58	5.08	6.30	6.55	7
12	12.28	3.50	6.23	7.37	4.59	5.09	6.31	6.56	8
13	12.29	3.51	6.23	7.38	4.59	5.09	6.31	6.56	9

وقت ۲ سمیع باکی دایره توتوغ دایره سالو مینیت دان دایره پلایت دایره تیگ مینیت، سمیع فرض جمعة نسلورو نکارا بروای دارالسلام دمولای دری فوکل 12.45 تھاری.

Menghayati Idulfitri

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'alaa Aalihi Wasabbihi Waman Walaah.

HARI RAYA Fitri adalah hari persaudaraan dan hari kegembiraan, maka di hari ini adalah disunatkan sesama Islam saling mengucapkan tahniah dengan doa-mendoakan di antara satu sama lain seperti mengucapkan yang ertinya:

"Semoga Allah menerima daripada kita dan menerimanya daripada awak."

Hukum sunat mengucapkan tahniah di Hari Raya ini diperakui oleh Ibnu Hajar Rahimahullah. (Hasyiyatan 1:359)

Adapun maksud daripada kalimah tahniah yang berbentuk doa ini membawa makna semoga diterima puasa dan amal kebajikan yang dibuat di bulan Ramadan.

Dengan penjelasan di atas membuktikan bahawa Hari Raya orang Islam berbeza sekali konsepnya dengan Hari Raya orang bukan Islam apatah lagi ianya disambut sebaik sahaja selesai menunaikan ibadah puasa. Kalau non Muslim berhari raya hanya sekadar untuk berhibur dan bergembira walau ada kaitan dengan unsur keagamaan, maka kita sebagai umat Islam bukan itu cara dan konsepnya. Berhibur di dalam Hari Raya

**Bilangan 111
Bahagian Akhir**

orang Islam berkonsepkan ibadah sebagai melahirkan syukur kita kepada Allah Subhanahu Wataala.

Sebilangan umat Islam hari ini amat mendukacitakan, kerana tidak faham akan konsep Hari Raya yang sebenar lalu tidak dapat menghayatinya sehingga merayakannya seperti mana orang-orang bukan Islam berhari raya. Kalau bangsa lain umpamanya mempunyai lagu khas sempena hari raya mereka maka kita pun memilikinya bahkan lebih daripada mereka dengan rentak dan irama yang bermacam-macam. Perkara ini sebenarnya boleh menda-tangkan tanggapan negatif bagi orang-orang bukan Islam terhadap Islam. Mereka menganggap bahawa Hari Raya orang Islam tidak jauh bezanya dari hari-hari pe-

rayaan mereka iaitu hanya sekadar untuk melahirkan rasa gembira dan berhibur.

Selain itu dengan corak sambutan yang mereka lakukan itu adalah kesan dari tidak menghayati Ramadan sepenuhnya, kerana Ramadan adalah bulan Qana'ah yang mana dengan itu mampu menghindarkan kita daripada berlaku boros dan berlebihan di dalam menyambut Idulfitri.

Kita perlu sedar bahawa Hari Raya inilah hari menerima ganjaran bagi mereka yang benar-benar beramal di bulan Ramadan.

Hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam diriwayatkan daripada Sa'ad bin Aus Al-Anshariy daripada ayahnya, Radiallahuanhu, Baginda bersabda yang maksudnya:

"Apabila tiba hari Raya Fitri berdirilah Malaikat di pintu-pintu jalan lalu menyeru: 'Pergilah wahai kaum Muslimin menghadap Tuhan yang Pemurah yang memberikan kebajikan kemudian memberikan pahala yang banyak, demi sesungguhnya kamu telah dipertahankan untuk melakukan qiamullail maka kamu membuatnya, dan kamu diperintahkan untuk ber-

puasa pada siangnyanya maka kamu berpuasa, kamu juga mentaati Tuhan kamu maka kamu terimalah balasan kamu, maka apabila bersembahyang maka akan menyeru: 'Ketahuilah bahawa Tuhan kamu telah mengampunkan kamu dan pualanglah menuju tunggangan kamu dan itu adalah hari menerima balasan dan dinamakan hari itu di langit sebagai hari al-jaizah (hari mendapat ganjaran).' (Hadis riwayat At-Thabrani)

Oleh yang demikian marilah kita sama-sama memperbanyak amal ibadah di hari ini dengan tidak mencampur-baurkannya dengan perkara maksiat. Seperti berziarah umpamanya, yang mana amalan berziarah ini sangat dituntut oleh Islam. Lebih-lebih lagi masyarakat kita mengambil kesempatan hari raya ini untuk kunjung-mengunjungi sayugialah jangan dicemari dengan pergaulan bebas di antara yang bukan mahram serta aktiviti yang merosakkan keimanan yang telah kita sucikan di sepanjang Ramadan, seperti pesta tari-menari dan berkaroake sehingga mengganggu ketenteraman jiran-jiran yang berdekatan yang

IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

mana perbuatan ini adalah amat ditegah di dalam Islam. Selain dari itu amalan bersedekah di Hari Raya ini adalah juga merupakan tuntutan sunat di mana Baginda menganjurkan untuk bersedekah sebaik sahaja selepas menunaikan sembahyang Hari Raya.

Kesimpulannya, Hari Raya Fitri ini adalah hari 'hablun minallah' dan 'hablun minannas' iaitu hari mempererat dan memperkuatkan hubungan di antara makhluk dengan Khaliq dan di antara makhluk dengan makhluk.

Maka sama-samalah kita

hidupkan malam dan siang hari raya ini dengan perkara yang disunatkan sama ada yang langsung dijelaskan oleh hadis Baginda atau yang secara mafhumnya adalah dituntut di dalam Islam berpandukan huda (petunjuk) Rasulullah yang mana jika kita mengikut sunnah Baginda bererti kita mencintai Allah sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"Katakannlah (wahai Muhammad) jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutlah daku nescaya Allah mengasihi kamu." Surah Ali 'Imran:31)

Menyambut Hari Raya Aidilfitri menurut Islam

HARI Raya Aidilfitri merupakan hari kemenangan kepada umat Islam setelah berjaya menyempurnakan ibadah puasa dengan penuh ketakwaan dan kesabaran. Kenikmatan berhari raya sebenarnya hanya dapat dirasakan oleh mereka yang berpuasa Ramadan sahaja (hari bagi mereka yang telah berpuasa hati berjaya melawan hawa nafsu godaan, yang mana mereka melaksanakan ibadah puasa itu semata-mata kerana tunduk kepada perintah Allah Subhanahu Wataala), dan tidak ada makna Hari Raya bagi mereka yang tidak berpuasa dengan sengaja tanpa sebab-sebab yang dibolehkan syarak.

Sesungguhnya kegembiraan berhari raya itu bukanlah diukur dan bergantung kepada kehebatan pakaian atau hiasan serta banyakkannya makanan pada Hari Raya itu, tetapi ianya terletak kepada sejauh mana bertambahnya ketakwaan dan keimanan seseorang itu. Kedatangan Aidilfitri hendaklah kita sambut dengan ucapan takbir, bertahmid dan bertahlil yang mana memecah kesunyian dan melemparkan syaitan-syaitan yang terkutuk. Ucapan takbir yang kita kumandangkan pada malam Hari Raya itu mengandungi dua makna iaitu menyambut kedatangan Syawal yang mulia dan menunjukkan kesedihan dan keharuan kita melaksanakan kepergian bulan Ramadan yang mubarak.

Dalam kita merayakan Aidilfitri ini kita hendaklah member-sihkan hati dan memperbaiki hubungan sesama Muslim. Kita kikir segala dendam dan kebencian, kita jauhkan iri hati dan dengki, kita gantikan dengan perasaan mahabbah (saling kasih-mengasihi sesama Muslim). Kita huluskan tangan untuk

منوجوكر رمضان الله
Menuju Keredaan Allah
كلولان قوسه دعوه اسلاميه

bermaaf-maafan dan kita bina hubungan persaudaraan yang kukuh berlandaskan persaudaraan Islam. Dalam kemeriahan kita menyambut dan menikmati Hari Raya, janganlah kita melupakan kepada orang-orang yang tidak berkemampuan dan orang-orang yang serba kekurangan yang hanya mampu menitis air mata di bawah gema takbir. Kita syukuri nikmat yang Allah kurniakan kepada kita dengan memberi bantuan dan binalah ukhuwah Islamiyah yang sejati.

Di samping itu janganlah kita lupa akan batas-batas ketentu-an Allah iaitu berlaku sederhana dan jangan berlebih-lebihan. Islam tidak melarang kaum Muslimin menyediakan makanan dan kuih yang lazat serta menghias rumah asalkan tidak melebihi batas-batas yang sepatutnya menurut kemampuan, janganlah sampai kepada peringkat membazir. Janganlah kita sambut kedatangan 1 Syawal dengan pesta hiburan, kebisingan dan keriuhan serta kesibukan menyediakan persediaan Hari Raya hingga kita tidak berkesempatan untuk bertakbir dan bertahmid

memuji keagungan Allah.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyarankan agar umat Islam menyambut Hari Raya ini sebagaimana sabda Baginda yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Thabarani yang bermaksud:

"Hiasilah Hari-hari Raya kamu dengan takbir, tahlil, tahmid dan taqdis (mengingati dan mengagungkan Allah Subhanahu Wataala)."

Dalam bulan Syawal yang mulia ini beberapa keistimewaan pula dituntut oleh Islam dalam amalan kebajikan seseorang, terutama sekali apa yang diketahui oleh kita ialah Puasa Enam iaitu puasa enam hari dalam bulan Syawal, sebagaimana sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Muslim yang maksudnya:

"Barang siapa berpuasa bulan Ramadan kemudian ia berpuasa pula enam hari pada bulan Syawal, adalah seperti berpuasa sepanjang masa."

Ganjaran yang begitu tinggi nilainya diberikan Allah pada puasa ini dapatlah difahamkan bahawa kebanyakan manusia tidak dapat melakukannya. Ini adalah berkaitan rapat dengan keadaan sekeliling yang lebih mencabar keimanan seseorang yang menunaikan puasa di waktu ini. Dengan itu seseorang yang berpuasa enam akan menghadapi persaingan hebat dengan keadaan dan suasana yang terang mencabar keimanan. Sewajarnya bagi mereka yang berjaya menahapi cabaran ini menerima ganjaran paling tinggi di sisi Allah Subhanahu Wataala iaitu pahala berpuasa sepanjang masa.

Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

SIKAP positif yang bermakna memandang atau menilai sesuatu perkara itu secara realiti, dan dengan pandangan yang baik, tidak buruk sangka, tidak emosi, berlaku jujur, adil dan berpandangan jauh dan dengan minda yang terbuka luas. Manusia yang bersikap positif tidak akan mudah terpengaruh dengan anasir-anasir luaran yang bersikap negatif, dan dapat mengawal dirinya daripada apa juga keadaan atau suasana, dan mempunyai pemikiran yang matang, sentiasa bersikap tenang, tidak bergopoh-gapah, mempunyai tutur kata yang sentiasa baik, air muka yang sentiasa jernih dan apabila mengeluarkan pandangan atau pendapat, pandangan atau pendapatnya sentiasa dihargai oleh orang lain. Dengan sebab itu, seseorang yang mempunyai sikap positif, biasanya lebih disenangi oleh orang lain, rakan sejawat atau perkumpulan dan dihormati.

Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab di dalam sesebuah jabatan atau organisasi, adalah perlu setiap pegawai dan kakitangannya bersikap positif, kerana dengan adanya sikap seperti ini, seseorang pegawai dan kakitangan itu akan dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya secara lebih berkesan, jujur dan ikhlas semata-mata dan mengutamakan kepentingan kerjaya melebihi daripada kepentingan diri sendiri.

CONTOH SIKAP POSITIF

Misalnya, dalam sebuah jabatan atau organisasi, ada dua orang pegawai yang sama kedudukan pangkat dan jawatannya. Pegawai 'A' telah berkhidmat dalam jabatan berkenaan selama lebih kurang 15 tahun, pegawai 'B' berkhidmat lebih kurang dalam 10 tahun. Disebabkan kedudukannya lebih 'senior' dan mempunyai pengalaman-pengalaman yang luas dan prestasi kerjanya yang baik, pegawai 'A' telah diamanahkan oleh ketua jabatannya untuk mengetuai satu bahagian yang lebih besar dan mempunyai kakitangan yang lebih ramai, berbanding dengan pegawai 'B'. Dari segi penilaian prestasi kerja, pegawai 'A' mendapat markah lebih tinggi sedikit daripada pegawai 'B' iaitu dalam kategori 'cemerlang'.

Apa yang amat memeranjatkan dan menjadi tanda tanya di kalangan pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan, tiba-tiba sahaja pegawai 'B' yang lebih junior dan kurang pengalaman, telah dinaikkan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi daripada pegawai 'A'. Perkara ini telah diketahui oleh seorang lagi rakan sejawat pegawai 'A'.

Iaitu katakan sebagai pegawai 'C'. Maka berakulah dialog ringkas di antara pegawai 'A' dan Pegawai 'C':-

Pegawai 'C' : "Ini satu tindakan yang sama sekali tidak adil, sepatutnya andalah yang lebih berhak dan layak untuk dinaikkan pangkat, kerana anda lebih senior, lebih berkebolehan dan mempunyai tanggungjawab yang lebih besar dan berat daripada pegawai 'B'....!"

Pegawai 'A' : (Menjawab dengan tenang sambil tersenyum) "Tidak mengapa, barangkali itu bukan rezeki saya, mungkin orang atasan memberikan penilaian yang lebih baik daripada saya sendiri....!"

Pegawai 'C' : "Mana boleh, ini tidak adil namanya. Anda jangan terlalu bersikap lurus sangat, zaman ini siapa yang bersikap terlalu lurus, dia akan dianggap bodoh dan menjadi 'makanan' orang lain dan seterusnya dijadikan alat untuk kepentingan mereka....!"

Pegawai 'A' : "Terserah... yang penting kita mesti bersikap sabar, sabar, sabar itu separuh iman bukan....!" katanya dengan tenang.

Pegawai 'C' : "Nampaknya anda sudah jadi mangsa kezaliman, mangsa ketidakadilan, pilih kasih dan pilih bulu. Saya benar-benar bersimpati dengan nasib yang menimpa anda....!"

Pegawai 'A' : "Apalah boleh buat, sabar.... sabar....!"

Sekalipun tidak terpilih untuk dinaikkan pangkat, namun pegawai 'A' tetap melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya

Menyemai sikap positif ke arah kecemerlangan diri dan kerjaya

OLEH HAJI MUHAMMAD HAJI KASSIM

seperti biasa seolah-olah tidak ada apa yang berlaku. Kegagalan untuk mendapatkan kenaikan pangkat sama sekali tidak melemahkan semangatnya kerana pada pandangannya, bekerja itu sebenarnya sebahagian daripada amal ibadah dan perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin, sekalipun dia merasakan bahawa dia telah menjadi mangsa ketidakadilan.

Akan tetapi, apakah sebab-sebab yang sebenarnya, pegawai 'A' yang dianggap lebih berkelayakan dan berhak untuk dinaikkan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi? Selepas diadakan penyiasatan, rupa-rupanya pegawai 'A' telah menjadi mangsa fitnah daripada seorang lagi pegawai yang lebih kanan di dalam jabatan berkenaan yang mana cakap-cakap atau pendapatnya selalu didengar (dipakai) oleh pihak atasan. Pegawai berkenaan telah tergamak memfitnah dan memburuk-burukkan pegawai 'A' disebabkan masalah peribadi dan kerana merasakan dirinya tersisih, sebaliknya pegawai 'A' lebih disukai ramai orang di jabatan berkenaan kerana sikap yang positif, suka menghormati orang lain dan jarang sekali mencampuri urusan orang lain yang tidak kena mengenai dengan urusan pejabat.

Dalam perkara pemilihan kenaikan pangkat seperti yang diceritakan di atas, ketua jabatannya nampaknya telah melakukan satu kesilapan iaitu, sekalipun merasakan pegawai 'B' lebih layak untuk dinaikkan pangkat daripada pegawai 'A' yang lebih senior dan berkelayakan, mengapakah keputusan penilaian prestasi kerja yang ada sangkut pautnya dengan soal kenaikan pangkat tidak diambil kira? Dan jika sekiranya pegawai 'A' dirasakan tidak berkelayakan untuk dinaikkan pangkat, mengapakah dia terus diserahkan untuk mengetuai bahagian yang lebih besar dan lebih ramai kakitangan dibawahnya? Perkara ini sebenarnya terjadi, disebabkan adanya unsur-unsur tidak cekap ketua jabatan berkenaan yang bersikap tidak jujur, pilih kasih dan melakukan penyelewengan tugas.

DALAM melaksanakan tugas dan tanggungjawab di dalam sesebuah jabatan atau organisasi, adalah perlu setiap pegawai dan kakitangannya bersikap positif, kerana dengan adanya sikap seperti ini, seseorang pegawai dan kakitangan itu akan dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya secara lebih berkesan, jujur dan ikhlas semata-mata dan mengutamakan kepentingan kerjaya melebihi daripada kepentingan diri sendiri.

BAGAIMANA SIKAP POSITIF MENYUMBANG KE ARAH KECEMERLANGAN

Umumnya ada beberapa perkara atau amalan yang perlu ada bagi setiap pegawai dan kakitangan kerajaan yang boleh menyumbang kearah kecemerlangan diri dan kerjayanya, melalui sikap positif antaranya:-

1. Melaksanakan Tugas Dengan Penuh Minat

Seseorang yang bersikap positif dan ingin maju dalam bidang kerjayanya, biasanya ialah seorang yang melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan penuh minat. Minat atau kegemaran memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan tugas, kerana jika seseorang itu tidak berminat, dia akan melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya secara sambil lewa yang hasilnya semua kerja-kerjanya tidak akan terlaksana dengan lebih baik dan sempurna.

2. Bersikap Jujur

Sikap jujur dalam erti kata yang sebenarnya amatlah perlu. Misalnya, jujur dalam menghadapi tuntutan elaun perjalanan atau lebih masa, jujur semasa mencatatkan kedatangan dan keluar masuk pejabat, jujur dalam menghadapi laporan prestasi kerja dan sebagainya.

3. Mempunyai Kemahiran dan Pengalaman-pengalaman

Manusia yang bersikap positif, akan sentiasa berusaha dan mengambil peluang untuk melengkapkan dirinya untuk disumbangkan ke dalam bidang kerjayanya dan seterusnya untuk kecemerlangan jabatan atau organisasi. Kemahiran atau pengalaman ini boleh dicari sama ada melalui pembacaan, belajar sendiri dan juga melalui sikap ingin tahu dan ingin mencuba.

4. Tidak Mudah Jemu

Untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara lebih berkesan lebih sempurna dan berterusan, sikap mudah jemu atau 'boring' perlulah dikikis dan digantikan dengan sikap ingin terus berusaha dan minat dalam bidang kerjaya dan sentiasa berpandangan jauh dan bersedia untuk menerima sebarang perubahan.

5. Merasa Bangga Dengan Hasil Kerja Yang Dilakukan

Seorang yang bersikap positif sebenarnya ialah seorang yang sentiasa bangga dengan hasil kerjayanya sekalipun tidak mendapat perhatian daripada orang lain, termasuk ketuanya. Sebolehnya elakkan perasaan rendah diri dan mudah dipengaruhi oleh orang lain ataupun kritik-kritik yang bertujuan untuk melemahkan semangat anda.

Walau bagaimanapun, untuk melahirkan atau menyemai sikap positif di kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan, bahawa asas yang penting sekali ialah perlunya seseorang itu mempunyai pegangan atau ilmu pengetahuan yang mencukupi dalam bidang keagamaan. Kerana dengan adanya pegangan agama yang kuat dan mantap, seseorang pegawai atau kakitangan kerajaan dapat menilai buruk baik, halal haram dosa dan pahala yang sedikit sebanyak mengingatkan mereka daripada melakukan sebarang bentuk penyelewengan dan kezaliman. Lagipun, apa jua bentuk agama dalam dunia ini, semuanya menyeru setiap penganutnya ke arah kebaikan, bersikap adil dan bertimbang rasa. Dengan sebab itu, segala apa juga jenis kursus, seminar, bengkel yang bertujuan untuk menambahkan kemahiran dan pengalaman di kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan, maka unsur-unsur keagamaan perlulah diserapkan ke dalamnya.

DBP teruskan usaha terbitkan buku tempatan



PENGARAH Dewan Bahasa dan Pustaka, Dato Paduka Awang Haji Alidin bin Haji Othman (kanan) ketika menyaksikan Majlis Menandatangani perjanjian dengan lapan penulis tempatan. - Gambar oleh Masri Osman.

BERAKAS, 26 Disember. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) meneruskan lagi usahanya untuk menerbitkan lagi banyak buku-buku tempatan pada tahun hadapan.

Buku-buku yang akan diterbitkan ialah Beberapa Teknik Pascamodernisme Dalam Beberapa Novel Brunei; Analisis Aliran Cerpen-cerpen Bahana 1990-1994; Meniti Jalur-jalur Impian; G.P. Di Ambang Kehidupan; Hadiah; Mencari Sinar Fajar dan Di Balik Pulau.

Sebanyak seribu naskhah akan dicetak bagi setiap tajuk berkenaan. Dalam hubungan ini, satu majlis menandatangani Memorandum Perjanjian bagi penerbitan buku-buku tersebut diadakan hari ini di Dewan Bahasa dan Pustaka di sini.

Majlis penandatanganan ialah di antara Pengarah DBP, Dato Paduka Awang Haji Alidin bin Haji Othman dengan lapan penulis tempatan.

Buku bertajuk Beberapa Teknik Pascamodernisme Dalam Beberapa Novel Brunei karya Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Radin adalah hasil latihan ilmiah penulis untuk mendapatkan ijazah Sarjana Muda Sastera pada sesi 1994/1995. Buku ini menganalisis aliran cerpen-cerpen yang tersiar dalam majalah dan Bahana dan tersiar sepanjang tahun 1990 hingga tahun 1994.

Awang Abdul Rahman bin Haji Mustapha yang menghasilkan buku bertajuk Analisis Aliran Cerpen-cerpen Bahana 1990-1994 adalah hasil latihan ilmiah penulis semasa menuntut di

Oleh Siti Muslihat HS

Universiti Brunei Darussalam. Buku ini merupakan sebuah analisis teori kesusasteraan yang memfokuskan tentang teknik pascamodernisme dalam novel-novel yang dihasilkan oleh penulis-penulis tempatan.

Buku yang akan diterbitkan itu juga termasuk novel-novel remaja karya enam penulis tempatan yang lain yang memenangi Hadiah-hadiah Penghargaan Pertama, Kedua dan Ketiga serta hadiah-hadiah penghargaan masing-masing bagi sesi 1997/1998 dalam Peraduan Menulis Novel Remaja anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.

Novel-novel remaja berkenaan masing-masing dihasilkan oleh Awang Haji Tarif bin Haji Abdul Hamid, Awang Haji Abdul Aziz bin Tuah, Dayang Hajah Masti binti Haji Ahmad, Dayang Rosni binti Haji Omar, Awang Baharin bin Haji Ibrahim dan Awang Haji Saidi bin Haji Ahmad.

Di samping buku dan novel remaja tersebut, DBP juga akan menerbitkan empat buah karya yang masing-masing bertajuk Bahasa Jiwa Bangsa Jilid 3 dan 4; Pantang Larang Kitani dan PBB: Dari Perspektif Kesejahteraan Antarabangsa.

Sepanjang tahun 2000, DBP telah menerbitkan lebih 40 buah tajuk buku yang dihasilkan oleh penulis-penulis tempatan.

PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA

PENDAPAT yang terpilih minggu ini dari tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Hari Raya Tidak Sepatutnya Dicemari Oleh Kemungkaran'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut :

Hari Raya tidak sepatutnya dicemari oleh kemungkaran

HARI Raya Aidilfitri atau Hari Raya Puasa adalah hari yang sangat bermakna kepada seorang Muslim yang telah berjaya menahan diri daripada segala

kemungkaran termasuklah menahan kehendak nafsu-nafsi dan melaksanakan segala apa yang telah dititah perintahkan kepadanya iaitu dalam kata lain peningkatan ketakwaan, sudah sewajarnya atau sepatutnya tidak dicemari sambutan dengan perkara-perkara yang mendatangkan kemungkaran. Kemungkaran yang biasa dilakukan oleh seorang Muslim dalam menyambut Hari Raya Puasa ini termasuklah di antaranya membiarkan berlakunya perhimpunan sosial yang melanggar hukum syarak yang memberi persekitaran kepada mudahnya berlaku kemaksiatan dan sebagainya.

Bulan Ramadan kita diwajibkan berpuasa dan bulan Syawal sebagai lanjutnya, kita meraikan Hari Raya adalah kedua-duanya bulan untuk kita beribadah tidak sepatutnya bulan Syawal itu dicemari dengan kemungkaran. Seorang Muslim sejati yang betul-betul menghayati bulan Ramadan akan mendapat peningkatan takwa dari segi akhlak dan menahan nafsu, dia tidak akan termasuk golongan kepada golongan yang rugi yang tidak mendapat apa-apa kecuali lapar dan dahaga sahaja, daripada tiga golongan Muslim yang menjalankan ibadah puasa. Maka sesualah bagi seorang Muslim sejati itu me-

rayakan kemenangan dengan menyebut-nyebut kebesaran pencipta-Nya. Sambutan yang semolek-moleknya ialah pada pagi satu Syawal setelah membersihkan diri daripada hadas dan berpakaian kemas dan cantik, seorang suami Muslim sejati dan seumpamanya akan memakan sedikit makanan bagi menunjukkan dia terbuka pada hari itu kerana dia diharamkan berpuasa pada satu Syawal sebelum pergi ke masjid untuk menunaikan sembahyang Hari Raya Aidilfitri dan setelah pulang dari masjid bersalam-salaman, ziarah-menziarahi, bermaaf-maafan dengan keluarga terdekat dan keluarga-keluarga yang lain.

Hari Raya Aidilfitri juga sering dikenali sebagai bulan maaf-bermaafan dan bulan mengeratkan hubungan silaturrahim sesama Muslim kerana seorang Muslim yang lain yang pernah bermusuhan atau berselisihan sesama tidak dapat menolak maaf seorang Muslim jika dipohonkannya di bulan Syawal ini. Seorang Muslim sejati dalam konteks ini akan memohon maaf kerana seorang Muslim yang memohon kemaafan itu lebih mulia dari seorang Muslim yang menunggu seorang Muslim yang datang kepadanya memohon maaf. Aidilfitri pula dapat mengeratkan silatu-

rahim sesama Muslim kerana kesan daripada kirim mengirimi kad Hari Raya dan kunjung mengunjung sesama Muslim. Seorang Muslim yang menerima kad atau kunjungan ini biasanya merasakan dirinya dihargai dan diperlukan dan akan timbul rasa terharu tetapi memang tidak dinafikan orang yang datang berkunjung lebih mulia dari yang menunggu oleh yang demikian seorang Muslim sejati akan merebut peluang mengunjung diban-ding dengan menunggu.

Dari segi persediaan mengahli kita sama-sama ber-setuju, niat kita kenalah betul, bukan niat untuk berlebihan seperti membazir, kesederhanaan adalah juga dituntut, atau niat untuk menunjukkan, riak dan sebagainya. Pada bulan Syawal sepatutnya kita terus mengamalkan, mengasuh, meningkatkan ketakwaan kita, bukan disalahertikan sebagai hari bagi kita untuk melepaskan segala pantang larang yang tidak dapat kita lakukan semasa menjalani ibadah puasa.

Awang Haji Saidin bin Salleh,
No: 18 Kampong Jangsak,
Simpang 845-10-27, Jalan
Gadong BF 2720.
No. k/p: 293996.

Jangan cemarkan sambutan Hari Raya

HARI Raya sering dikaitkan dengan kegiatan bersuka ria. Maklumlah selama sebulan taat mematuhi seruan Ilahi, apabila berakhir dengan kemenangan, tiada lagi cara yang paling indah selain meraikan kejayaan tersebut. Sanak-saudara akan mula ziarah-menziarahi antara satu dengan yang lain hingga hampir kesemuanya dikunjungi. Ini adalah merupakan adat resam orang Melayu sejak zaman-berzaman dan juga sunnah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Ganjaran pahala yang besar sudah tentu akan menjadi imbalan kita. Hias-menghiasi dalaman rumah dan sebagainya tidak terlepas juga kerana Islam itu sukakan yang indah-indah. Tidak ketinggalan juga kempen membersihkan kawasan tanah perkuburan ahli kaum kerabat yang tersayang yang sudah menjadi lumrah di setiap pagi raya.

Jika begitulah, sudah tentunya kita akan beruntung sekali kerana insya-Allah akan mendapat restu keredaan Ilahi. Akan tetapi jika kemungkaran pula yang terhasil, tidak syak lagi kita tentunya akan tergolong di dalam golongan orang-orang yang rugi seperti yang termaktub di dalam kitab suci Al-Quran. Perkara seperti meninggalkan salat lima waktu kerana merasa seronok berhari raya dari rumah ke rumah memang suatu perkara yang tidak bertanggungjawab. Merasa riak dan bermegah diri dengan kecantikan harta benda rumah kita, menanamkan niat lain yang bercanggah ketika

ke kubur dan sebagainya, semua ini adalah sia-sia belaka apatah lagi jika ketibaan Hari Raya membuatkan diri kita lebih petah mengumpat di sana sini.

Bulan puasa di mana kita cuba menahan dan menekan nafsu syahwat kita dan sebagainya telah berlalu dan diganti dengan bulan Syawal. Akan tetapi, ini tidak bererti kita sudah bebas melakukan apa sahaja yang kita kehendaki dengan menyalahi hukum syariat. Hari-hari di bulan Syawal juga patut ditangani seperti hari-hari di bulan Ramadan dengan berpegang teguh pada ajaran agama Islam, kerana itulah tujuan sebenar kita disuruh berpuasa dan membanyakkan amal ibadat supaya kita terbiasa dengan hal-hal tersebut dan menjauhkan diri kita daripada hal-hal kemungkaran. Dari itu memang sudah pasti adalah tidak wajar jika sebaliknya sehari selepas bulan Ramadan tiba-tiba kita sudah mula mencemari Hari Raya Aidilfitri dengan kemungkaran. Manusia memanglah tidak sempurna fitrahnya, namun tidak bermakna kita tidak boleh membuat penyesuaian diri dengan menghampiri nilai-nilai kesempurnaan.

Awang Ahmad Iskandar bin
Haji Mohd. Taha,
No. 7 Simpang 180-56 Kampong Sengkirap,
Jalan Buang Tengkuruk,
Lumapas BJ 2924.
No. k/p: 297431.



PEGAWAI Pentadbir Kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Roslan bin Haji Tajaah ketika menyampaikan sumbangan kuih-muih kepada wakil cawangan-cawangan Perkhidmatan Bomba di negara ini. - Gambar oleh Amat HM.



PENGARAH Perkhidmatan Bomba, Awang Haji Zaidi bin Haji Mohd. Daud ketika menyampaikan sumbangan minuman kepada wakil cawangan-cawangan Perkhidmatan Bomba di negara ini. - Gambar oleh Amat HM.

Anggota bomba menerima sumbangan kuih-muih

BERAKAS, 26 Disember. - Para anggota Perkhidmatan Bomba yang bertugas semasa hari raya di cawangan-cawangan Perkhidmatan Bomba di negara ini, telah menerima sumbangan kuih-muih dan minuman yang berlangsung di Dewan Jabatan Perkhidmatan Bomba di sini.

Majlis penyampaian sumbangan kuih-muih itu telah

Oleh Aliddin HM

disempurnakan oleh Pegawai Pentadbir Kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Roslan bin Haji Tajaah, sementara Pengarah Perkhidmatan Bomba, Awang Haji Zaidi bin Haji Mohd. Daud pula menyampaikan sumbangan minuman tin kepada sembilan buah cawangan Perkhidmatan Bomba di negara ini.

Dengan adanya sumbangan tersebut dapatlah para anggota bomba yang bertugas di hari raya itu memeriahkan dan meraikannya bersama-sama dengan kawan sejawatnya walaupun pada hari itu mereka sepatutnya berada di rumah bersama dengan keluarga masing-masing.

Mereka yang bertugas di balai-balai bomba pada hari raya itu, sekurang-kurangnya dapat juga menikmati juadah hari raya itu nanti.

Sumbangan itu adalah daripada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Persatuan Bomba Brunei dan ianya merupakan projek tahunan jabatan tersebut.

30 anak yatim menerima sumbangan dari PGGMB

Oleh Abu Bakar HAR

JALAN TUTONG, 21 Disember. - Seramai 30 orang anak-anak yatim menerima sumbangan derma bernilai seratus ringgit seorang dari Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB).

Majlis yang berlangsung di Taman Puri di sini telah disempurnakan oleh Penolong Pengerusi PGGMB, Awang Haji Isa bin Haji Sulaiman selaku tetamu kehormat majlis.

Sumbangan derma yang dihulurkan ini merupakan aktiviti tahunan persekutuan tersebut yang dianjurkan oleh Badan Kebajikan PGGMB.

Sejak ditubuhkan lebih 60 tahun yang lalu, PGGMB kini mempunyai keramaian ahli melebihi 2,000 orang.



PENOLONG Pengerusi Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), Awang Haji Isa bin Haji Sulaiman ketika menyampaikan derma persekutuan itu kepada seorang anak yatim. - Gambar oleh Ramli Tengah.

PELITA BRUNEI Akhbar Rasmi Kerajaan,
Setiap hari Rabu diterbitkan,
Rajin membaca bertambah pengetahuan,
Silalah Alai pilih jawapan.

- Pada 11 November, 1999 Majlis Perasmian Seminar Membudayakan Perkhidmatan Ke Arah Perkhidmatan 'Business Friendly' telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Adnan. Di manakah majlis perasmian berkenaan telah dilangsungkan?
 - Kementerian Perhubungan
 - Kementerian Pembangunan
 - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
- Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar telah berkesudian hadir di majlis penyampaian sijil kepada peserta yang mengikuti kursus komputer, di manakah majlis berkenaan telah dilangsungkan?
 - Institut Teknologi Brunei (ITB)
 - Institut Perkhidmatan Awam
 - Kementerian Pendidikan
- Apakah Tajuk 'Suara Dari Mimbar' keluaran PELITA BRUNEI pada 24 November, 2000?

PAT-PAT GULAMBIR

SYARAT PERADUAN

- Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
- Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
- Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

- Alai yang berjaya diadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
- PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

- Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

BORANG JAWAPAN PAT-PAT GULAMBIR 456

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai,
Pat-Pat Gulambir, 456,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

TIADA PEMENANG SOALAN PAT-PAT GULAMBIR KELUARAN PELITA BRUNEI 13 DISEMBER, 2000

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

PEMAKANAN SIHAT



KURANGKAN MAKAN

KUMPULAN 5
yang berlemak
berminyak
masin
manis



SEDERHANAKAN MAKAN

BANYAKKAN MAKAN

KUMPULAN 4
2 - 3 hidangan tenusu sehari
1 hidangan : 1 gelas susu
1 keping keju

KUMPULAN 3
Protein
2 - 3 hidangan sehari
1 hidangan : 1 ekor rumahan
1 potong ayam
1 keping tauhu

KUMPULAN 2
2-3 sajian sayur-sayuran sehari
1 sajian : 1 senduk sayur

2-3 sajian buah-buahan sehari
1 sajian : 1 biji epal/oren
5 biji rambutan
1 hiris nenas/
betik/sekoi

MAKAN MENGIKUT KEPERLUAN

KUMPULAN 1
Karbohidrat Kompleks
8 - 12 hidangan sehari

1 hidangan : 1 senduk nasi/mi
1 keping roti paun
1 biji ubi kentang
2 keping biskut kering



PANDUAN PEMAKANAN KEBANGSAAN

Makanlah berjenis makanan dari setiap kumpulan mengikut kuantiti yang disarankan.

Amalkan 2-3 sajian sayur-sayuran, ulam-ulaman dan 2-3 sajian buah-buahan setiap hari.

Kurangkan masakan berlemak dan berminyak; Banyakkan masakan berebus dan berkukus.

Amalkan sajian kurang masin dan kurang manis.









Nikmati lebih makanan jenis kekacang dan bijiran.

Anak damit mendapat pemakanan yang terbaik dari susu ibu.

Nikmati pemakanan seimbang disamping bersenam sekurang-kurangnya tiga kali seminggu.



Pelancaran
Haji Cara Hidup Sihat
Peringkat Kebangsaan
25 November 2000
Asyura
Kementerian Kesihatan



Majlis Berbuka Puasa anjuran Kementerian Perhubungan

GADONG, 23 Disember, 2000 - Satu Majlis Berbuka Puasa diadakan oleh Kementerian Perhubungan. Tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria.

Majlis yang berlangsung di Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampong Jangsak bermula dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang kemudiannya diikuti dengan satu syarahan khas yang bertajuk 'Meningkatkan Kualiti Ibadah Di Bulan Ramadan' yang disampaikan oleh penasihat Pusat Da'wah Islamiah,

Oleh Abdullah Asgar

Awang Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah.

Kemudiannya ia diselenggarakan dengan Majlis Bertahlil yang dipimpin oleh imam masjid berkenaan dan diteruskan dengan berbuka puasa serta sembahyang fardu Maghrib berjemaah.

Hadir di majlis ini ialah Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah serta pegawai-pegawai kanan dan pengarah-pengarah di bawah kementerian tersebut.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria ketika hadir di Majlis Berbuka Puasa anjuran Kementerian Perhubungan yang diadakan di Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampong Jangsak. - Gambar oleh Masri Osman.

TIGA PEGAWAI DITETAPKAN JAWATAN

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Disember, 2000 - Sukacita me-maklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-

Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengumukan titah perkenan bagi pegawai-pegawai berikut :

Awang Haji Sapawi bin

Bolhassan, Pemangku Pengarah Perkhidmatan Pengurusan di Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, ditetapkan dalam jawatannya sebagai Pengarah Perkhidmatan Pengurusan di Jabatan Perkhidmatan Pengurusan mulai 5 Syawal, 1421/01 Januari, 2001; Datin Paduka Dr. Hajah Intan binti Haji Salleh, Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan di Kementerian Kesihatan, ditetapkan dalam jawatannya sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan di Kementerian Kesihatan mulai 6 Syawal, 1421/2 Januari, 2001; dan Dr. Awang Haji Affendy bin Dato Seri Paduka Haji Abidin, Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan di Kementerian Kesihatan, ditetapkan jawatannya sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan di Kementerian Kesihatan mulai 6 Syawal, 1421/2 Januari, 2001.



AWANG Haji Sapawi bin Bolhassan ditetapkan jawatannya sebagai Pengarah Perkhidmatan Pengurusan di Jabatan Perkhidmatan Pengurusan.



DATIN Paduka Dr. Hajah Intan binti Haji Salleh ditetapkan jawatannya sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan di Kementerian Kesihatan.



DR. Awang Haji Affendy bin Dato Seri Paduka Haji Abidin ditetapkan jawatannya sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan di Kementerian Kesihatan.

Membersihkan kawasan tanah perkuburan orang Islam

Oleh Aliddin HM

TEMBURONG, 24 Disember, 2000. - Para penduduk Kampong Labu Estate telah mengadakan kerja membersihkan kawasan tanah perkuburan orang Islam terletak di Kampong Mariong kira-kira tiga batu dari kampung berkenaan di sini.

Kerja-kerja membersihkan kawasan tanah perkuburan orang Islam itu diketuai oleh Ketua Kampong Labu Estate, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Nasir dilakukan secara bergotong-royong oleh para penduduk kampung berkenaan yang keluarga mereka dikebunkan di tanah perkuburan tersebut.

Menurut Awang Haji Abdul Rahman, projek tersebut diadakan setiap tahun apabila menjelang bulan Ramadan dan dianjurkan oleh Majlis Perundingan Kampong Labu Estate.

Beliau menjelaskan, apabila mereka hendak mengadakan kerja gotong-royong membersihkan kawasan tanah perkuburan orang Islam di Kampong Mariong, para ahli keluarga yang berada di luar Daerah Temburong ini akan diberitahu mengenai tarikh dan waktu akan diadakan kerja membersihkan tanah perkuburan tersebut dan mereka akan datang beramai-ramai bagi melaksanakan kerja amal ini.

Selesai membersihkan kawasan tanah perkuburan tersebut ia diselenggarakan dengan Majlis Membaca Surah Yaasin, Bertahlil dan Doa Arwah agar mereka yang telah kembali ke rahmatullah itu akan dicucuri rahmat oleh Allah Subhanahu Wataala jua Amin.

Lazimnya apabila mengadakan kegiatan membersihkan tanah perkuburan ini, yang paling ramai menyertainya ialah kumpulan kanak-kanak, mereka akan merasa gembira dan seronok bila sahaja selesai Majlis Membaca Surah Yaasin, Bertahlil dan Doa Arwah tersebut. Mereka akan dihulurkan sedekah oleh umat Islam yang berkemampuan.

Dengan adanya kegiatan seumpama itu secara tidak langsung akan dapat memberikan bimbingan kepada generasi muda dan anak-anak kita bagi menyambung untuk menziarahi perkuburan ahli keluarga kita di masa-masa akan datang.

Di samping itu ianya dapat menanamkan semangat gotong-royong dan menjaga kebersihan serta bersedekah ayat-ayat suci Al-Quran kepada mereka yang telah kembali ke rahmatullah.



KELIHATAN sebahagian orang ramai dan kanak-kanak ketika membaca Surah Yaasin, Bertahlil dan Doa Arwah di tanah perkuburan orang-orang Islam Kampong Mariong. - Gambar oleh Aliddin HM.

Menteri HEU beriktikaf ke masjid-masjid



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Md. Zain ketika mengadakan lawatan ke Masjid Mohd. Jamalul Alam, Kuala Belait. - Gambar ihsan Hjh. Saemah HZ.



DATO Paduka Awang Haji Abd. Ghani, Pegawai Daerah Belait; Yang Amat Mulia Pengiran Lela Utama Pengiran Haji Mohd. Said bin Pengiran Ahmad, Penghulu Mukim Kuala Belait bersama penceramah dari Pusat Dakwah Islamiah, Awang Norhalizan Ali Akbar.

KUALA BELAIT, 18 Disember. - Beriktikaf di masjid pada bulan Ramadan merupakan amalan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sehubungan dengan itu, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain mengadakan lawatan seterusnya beriktikaf ke masjid-masjid yang ada di daerah ini.

Masjid Al-Mashor di Kampong Pengkalan Mau merupakan masjid yang pertama sekali dikunjungi oleh Yang Berhormat di sebelah pagi. Diikuti selepas itu ke Masjid Kampong Labi dan Masjid Kampong Bukit Sawat.

Dari sana, Yang Berhormat meneruskan lawatan di sebelah tengah hari ke Masjid Zainab, Masjid Pekan Seria, Masjid Kampong Pandan dan Masjid Muhi. Jamalul Alam manakala di sebelah petang ke Masjid Kampong Sungai Teraban dan Masjid Kampong Sungai Liang.

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

Sepanjang lawatan itu, Yang Berhormat diiringi oleh Kadi Daerah Belait, Pengiran Haji Noor Asmawi bin Pengiran Haji Ahmad; Pegawai Hal Ehwal Masjid Kuala Belait, Awang Zulkefli bin Zakaria dan beberapa orang pegawai kanan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Dengan adanya kesempatan seumpama itu digunakan oleh Yang Berhormat melihat dan meninjau secara dekat perkembangan masjid-masjid di daerah ini dari segi pemeliharannya, aktiviti, takmir dan keramaian jemaahnya.

Di samping itu juga Yang Berhormat dapat beramah mesra dengan pegawai-pegawai dan kakitangan masjid serta meninjau masalah yang terdapat di setiap masjid yang dilawatinya.

Kita harus mempunyai niat yang lurus

KUALA BELAIT. - Ceramah menghayati bulan Ramadan, bulan yang mulia dan مبارak, bulan yang penuh dengan keampunan serta keberkatan telah berlangsung di Dewan Raya Pejabat Daerah Belait. Hadir sama majlis ceramah tersebut Pegawai Daerah Belait,

Dato Paduka Awang Haji Abd. Ghani bin PDPD DP Haji Abdul Rahim. Terdahulu sebelum ceramah bermula Pegawai Daerah Belait telah menyampaikan kata-kata nasihat kepada semua pegawai dan kakitangan yang hadir betapa agung dan tingginya bulan Ramadan di sisi Allah Subhanahu Wataala dan Rasul-Nya.

Oleh
Haji Nasip Rosli

tersebut berkait rapat antara satu sama lain. Sekiranya antara perkara tersebut dilaksanakan tidak betul terutama niat, maka keseluruhannya tidak akan terlaksana dengan sempurna.

Di samping itu kita juga harus menyucikan hati seperti mana kita sering berdoa dan kita juga perlu menghayati doa tersebut jangan sampai kita tidak memahami maksud doa yang dibaca. Sekurang-kurangnya kita faham dan mengambil iktibar dari makna doa tersebut.

Pegawai Daerah Belait juga menyentuh beberapa perkara antaranya setiap pegawai dan kakitangan ada tugas dan tanggungjawab terhadap diri sendiri, keluarga dan negara. Dalam perkara ini kita haruslah mempunyai niat yang lurus begitu juga perlaksanaannya mesti lurus barulah natijah atau hasilnya lurus, perkara-perkara

Ramadan penuh dengan hikmah dan rahmat, oleh itu Pegawai Daerah Belait menyeru kepada semua pegawai dan kakitangan agar sama-sama bertekad serta berazam membersihkan jiwa, kalau ada dosa kita bertaubatlah kepada Allah Subhanahu Wataala. Perbaikilah prestasi kita baik dari segi pergaulan dan pengalaman dalam pekerjaan supaya ianya akan dapat menampakkan perkembangan serta kemajuan demi masa hadapan.

Ceramah menghayati Bulan Ramadan telah disampaikan oleh Awang Norhalizan Ali Akbar, penceramah dari Pusat Dakwah Islamiah. Majlis yang dihadiri kira-kira lebih 100 orang pegawai dan kakitangan Pejabat Daerah Belait termasuk penghulu dan ketua-ketua kampung.

70 belia sertai Program Belia Ramadan

KUALA BELAIT, 20 Disember. - Dalam usaha membanyakkan amal ibadat di bulan Ramadan yang penuh dengan rahmat dan keampunan, Takmir Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait menganjurkan Program Belia Ramadan (Qiamulail) dan Kuliah Subuh.

Seramai lebih 70 belia menyertai Program Belia Ramadan yang diadakan selama tiga hari pada malam-malam ganjil akhir bulan Ramadan.

Mereka yang menyertai program tersebut dikehendaki berada di Masjid Mohd. Jamalul Alam, Kuala Belait dan Masjid Perpindahan Kampong Pandan dari jam 5.00 petang hingga 8.00 pagi.

Sepanjang waktu itu mereka menunaikan sembahyang fardu berjemaah, sembahyang sunat, berbuka puasa dan bersahur beramai-ramai, membaca tahlil, bertadarus Al-Quran secara berkumpulan, Ratib Al-Attas, membaca Al-Quran, menyertai Kuiz Ramadan, peraduan membaca surah-surah pilihan dan azan serta menghadiri Kuliah Subuh.

Program dianjurkan dengan kerjasama ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Mohd. Jamalul Alam dan Masjid Perpindahan Kampong Pandan dihasratkan untuk mengajak para belia khususnya dan masyarakat Islam umumnya untuk sama-sama melakukan amal ibadat dan menghidupkan malam Lailatulqadar di bulan Ramadan yang penuh keberkatan di masjid-masjid.

Selain itu ianya juga bagi mendapatkan kelebihan pahala amal ibadat di bulan yang penuh berkat dan berkebahjikan.

Dengan adanya program seumpama itu ianya dapat menggalakkan para belia supaya sentiasa berdampingan dengan masjid melalui aktiviti yang berkebahjikan dan bermanfaat di samping menambahkan pahala amal dan ibadat di bulan Ramadan al-mubarak dengan beriktikaf dan membaca Al-Quran di rumah Allah.

Program tersebut terbuka kepada belia-belia di daerah ini yang berumur 12 tahun hingga 25 tahun. Bagaimanapun orang ramai yang berumur daripada 25 tahun juga dialu-alukan untuk menyertainya.

Sementara Kuliah Subuh diadakan setiap waktu Subuh hari

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

Jumaat di Masjid Perpindahan Kampong Pandan dan Masjid Zainab, Lumut.

Kuliah Subuh itu dihadiri oleh 100 jemaah lelaki dan perempuan dengan matlamatnya memberikan pengetahuan kepada masyarakat Islam tentang ibadat puasa di samping memberikan motivasi kepada masyarakat Islam supaya melakukan amal ibadat puasa setiap tahun.



SEBAHAGIAN belia mengikuti Program Belia Ramadan yang diadakan di Masjid Mohd. Jamalul Alam, Kuala Belait. - Gambar ihsan Hajah Saemah HZ.

DIA gadis sepi, sepi dengan kata-kata, sepi dengan gelak tawa. Jalannya tunduk membisu, bibir mungil itu jarang menayangkan paparan babyang senyum, betapa mahal harga sebuah senyuman bagi gadis sehebatnya.

Hafizatul Aina, hebat nama itu, sehebat keayuan wajah empunya nama. Siapa lebih hebat Erra Fazira artis sensasi masa kini atau gadis biasa Hafizatul Aina? Sudah pasti Hafizatul Aina akan mendapat undian terbanyak, siapa sahaja yang pernah melihat wajahnya pasti tahu sejauh mana hebatnya kecantikan yang dianugerahkan untuknya.

Hafizatul Aina sedar semua itu, apakah dia merasa bangga dengan kurniaan itu? Hanya hati dan perasaan sahaja yang dapat merasai. Di kolej itu siapa yang tidak kenal dengan Hafizatul Aina, gadis manis yang punya seraut wajah ayu, berkulit putih gebu, tinggi yang sederhana dan punya suara semerdu buluh perindu bak kata bidalan lama.

Rambutnya yang hitam lurus melimpahi bahu tersembunyi di sebalik kerudung yang sering dipakai. Lelaki mana yang tak terpicik dengan keayuan wajah itu?

Bolhi, jejak perasaan kolej yang tak pernah diam menambah koleksi gadis berwajah cantik tidak pernah mengalah untuk mencuba nasib memenangi hati gadis itu namun hampa.

Shamsuri, yang terkenal sebagai jaguh bola sepak dan pemain harapan kolej turut menyerah kalah.

Razmi teman sekelasnya yang sering mendapat tempat teratas dalam setiap ujian tetap kecundang, apa lagi jejak yang dikategorikan dalam kelas bawahan memang serik untuk menempah kegagalan memiliki hati gadis itu.

Siapa yang tidak tahu Rahmat pelatih semester dua yang telah dimasukkan ke hospital sakit jiwa kerana tergilagilakan gadis kampung itu.

Namun siapa tahu hakikat yang sebenar bahawa sekeping hati milik Hafizatul Aina telah lama dimiliki oleh teman sekampung yang sedang melanjutkan pelajarannya dalam bidang perubatan di Malaysia.

Hafizatul Aina yang pendiam tak pernah bercerita tentang itu, walaupun kepada teman rapatnya. Maslina ada juga cuba mengorek rahsia.

"Aina, aku hairanlah dengan engkau ni, dah masuk semester ketiga kita berada di kolej ini, tapi aku lihat engkau lebih suka menyendiri. Tak macam orang lain yang sibuk berkepit dengan pak we masing-masing?"

"Ha ah la Aina, engkau tak teringin ke nak punya teman lelaki macam kita orang ni. Aku kasihan tengok engkau asyik terperap aje dalam bilik asrama tu bila tiba malam minggu."

Yati yang tak kurang becoknya turut menyampuk tapi Hafizatul Aina tetap teguh dengan pendiriannya, rahsia tetap rahsia. Suaranya bagai dikunci ketat yang terkeluar daripada pita suaranya terpesong jauh daripada pokok perbuahan.

"Yati, Lina aku ada hal ni, kau orang berborak dulu. Jumpa lagi nanti. Assalamualaikum."

"Walaikumussalam" jawab Yati dan Maslina serentak, mereka tak berupaya untuk menambahkan lagi kata-kata, segala persoalan yang telah rancak dikemukakan ternoktah setakat itu.

Salahkah aku menyimpan rahsia peribadiku sendiri? Sombongkah aku kalau sengaja tidak mahu menambahkan beban perasaan dengan menutup pintu hati untuk insan lain sebagai tanda setia kepada Shahrom, kekasih hatiku?

Satu persatu persoalan bermain di fikiran. Dia bukan berkecil hati dengan setiap tindak-tanduk teman-temannya tapi dia hanya inginkan keadilan. Dia juga berhak menyimpan rahsia peribadinya.

Sombongkah dia kalau sengaja menjauhkan diri daripada kaum Adam yang ingin mengambil kesempatan atas keikhlasan sebagai seorang kawan?

KERANA KAU LELAKI

Egokah dia kalau tidak sanggup menerima sekeping hati salah seorang jejak di maktab perguruan itu? Dia tak pernah merasa begitu, dia tak pernah menganggap dia istimewa walaupun dia gadis idola jejak di kolej itu.

Dia mengelak fitnah dan ingin memelihara setianya. Itulah Hafizatul Aina yang punya pendirian sendiri.

Cintanya pada Shahrom tak pernah berbelah bahagi. Shahrom teman sepermainan dan teman sekolahnya. Cinta mereka mula berputik sejak dari tingkatan tiga lagi. Cinta monyet kata orang.

Namun mereka tidak pernah hiraukan pandangan guru-guru dan teman-teman yang lain. Cinta mereka semakin unggul setelah menjadi pelajar cemerlang dalam peperiksaan sijil rendah pelajaran.



Walaupun cabaran seluas lautan yang memisahkan mereka namun dorongan dan utusan kerap bertandang, akhirnya kejayaan kedua menyusul mereka sama-sama mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan sijil pelajaran yang telah menghantar Shahrom ke luar negeri setelah mengikuti perseediaan khas selama setahun setengah namun takdir tidak menyebelahi Hafizatul Aina.

Kecemerlangan yang diperoleh tidak mendatangkan apa-apa makna. Kedaifan keluarga menutup jalan untuknya menyusuri denai menuju puncak jaya. Jalan sempit yang semakin bersema amat sukar untuk diredah, walaupun telah dicubanya namun demi cinta seorang lelaki dia akur dengan usulan Shahrom yang menginginkannya menjadi seorang pendidik.



CINTANYA pada Shahrom tak pernah berbelah bahagi. Shahrom teman sepermainan dan teman sekolahnya. Cinta mereka mula berputik sejak dari tingkatan tiga lagi. Cinta monyet kata orang.

awas di sana. Sesuai sekali Nora ditempatkan sebilik dengannya jadi tidak perlulah dia bersusah payah menyemak surat-surat yang ada dalam bilik penerangan itu.

"Hai, tak kan nak direnung aje surat tu, bukalah" usik Nora sambil tersenyum panjang.

"Dari buah hati ke?"

Nora perhatikan setiap kali Nora bawa surat Aina, pasti setem Malaysia, dari jauh nampaknya, tentu orang istimewa.

"Tak adalah Nora, kawan biasa sahaja." Jawabnya sambil melucutkan tudung kepala dan semakin terserlah keayuan wajah yang tanpa calitan pewarna tambahan.

Surat yang digenggam di-biarkan kaku di atas meja tulis. Hafizatul Aina menuju ke bilik

mandi untuk mengambil wuduk bagi menunaikan solat fardu Asar.

Malam itu selepas Isyak, Hafizatul Aina duduk ber-teleku di atas tilam empuk. Entah mengapa hatinya rasa tidak keruan. Matanya melingkas ke arah sampul surat yang masih kaku di atas meja tulis seperti tadi.

Tiba-tiba dia tersenyum sendiri dan mencapai warkah bersampul putih itu. Senyumnya semakin meleret tatkala membaca bait kata perenggan yang pertama. Semakin lama senyum itu semakin pudar.

Makin hilang dan akhirnya dada kertas basah oleh tempias air mata, mengapa tidak hujan itu turun bilamana surat yang diharap akan menghibur duka

PUISI PUISI PUISI PUISI

RAMADAN

Kini kau telah pergi ke sekian kalinya buat sementara tahun meninggalkan kami umat Islam dengan suatu pendidikan memberi peluang terluang dalam rasa kesedaran merasakan betapa mereka yang dilanda kemiskinan dan kelaparan di dirimu adanya keberkatan dan keberuntungan kemerdekaan daripada api neraka adalah hikmahmu menyedari di bulanmulah turunnya kitab suci Al-Quran.

Ramadan, semua kebajikan ada dalam dirimu ruginya sesiapa yang tiada menghayatimu setahun sekali bukanlah jalan yang pendek umur setakat mana takahnya tiada bermadah Kebesaran Allah Subhanahu Wataala - Allahu akbar! Sebaiknya kepergiannya tiada mewalang hati dalam kerugian besar.

Ramadan, kualu-alukan kedatanganmu lagi masih belum puas rasanya aku melayanimu semoga dipanjangkan umur berjumpa lagi sihat walafiat mendapak kebaikan hatimu bersama-sama mereka yang seakidah denganku termasuk isteri, anak-anak, menantu-menantu, cucu-cucu, serta seluruh kerabatku Insya-Allah.

Ramadan kurelakan kau pergi sementara hanya waimapun dalam keberkatan hatiku meskipun yang menyambut langkah perimu itu

Syawal bulan kemenangan umat penuh berpuasa namun kesan peninggalan sementara masih terasa bangun sahur bermiat untuk esoknya berpuasa lalu berlajar di siang harinya menghayati puasa bersungkaik tika mentari tersungkur di sebelah barat membatalkan puasa dengan juadah mengelak pembaziran menghalang nafsu serakah sujud dan tawaduk di sunat tarawih dan witirku tadarusku menghayati kitab sucimu Al-Quran panduan umat Islam dengan doa-doa mengambil kesempatan dalam menjelangnya Lailatulqadar semoga hidupku sekeluarga mendapat keberkatan.

Ramadan, kunantikan kau meski dalam kian lanjut umurku - Insya-Allah manusia yang merancang, manakala Tuhan yang menentukan segala-galanya.

KUJEJAKIMU VIETNAM

Dalam susunan jemari sebelah cuma aku berada di tanahmu membawa sebuah pernyataan tentang hal-hal pendidikan negara kali ke-19 tanpa keraguan seperti kenyataan beberapa tahun dahulu selepas 70-an kerana banyak jerangkap samar merata-rata memusnahkan sesiapa sahaja tak kenal kedudukan. Vietnam yang telah kulihat pendudukmu sebanyak giuk berpusu-pusu dan simpang-siur di setiap lorong kalah kereta oleh motosikal dan basikalmu masing-masing dengan tujuan hala tertentu semacam kau-kau dan aku-aku hanya memerhati kami sekejap hanya

seperti kamu telah mengerti. Betapa susahny kami mencari makan, bukannya tak terbeli kerana agama yang berlainan - kehalalan yang tiada mujur berbekal pengisi perut sendiri-sendiri, lalu behaup-haup apatah lagi puasa dalam hayatan di dalam bas dengan kurma kurnia teman bersungkaik minum air botol serta keropok, kacang dan lapapasing-memasing. Vietnam dengan gadis-gadismu yang cantik molek murahny senyuman tanda penghilang kisah-kisah derita kaum tuamu yang berbangga dengan kemenangan bergerila membangkit kemegahan melawan negara paling angkuh dengan kuasa meninggalkan pasukan bersekutu negara ASEAN bersama-sama dengan Siam (Thailand) tanpa pernah dijajah bersama-sama dengan jiran Jepun dalam mengalahkan pasukan bersekutu Vietnam - teruskanlah dengan rancanganmu di tahun 2010 itu ingin melihat kemajuan menerusi alam pendidikan aset pada segalanya. Vietnam ketenangan negaramu kini yang cuba melupakan sejarah duka nestapa berjajalah demi kesenangan bersama-sama kami (se-ASEAN) bangunkanlah republikmu itu dengan saksama dengan kebijaksanaan pemerintahanmu yang terpilih semoga hajatmu yang murni itu terlaksana bertumpang fikir dengan sekutumu negara-negara ASEAN.

Haji Mariat Haji Abdullah

16 TAHUN KEGEMILANGAN

Gemilang namamu di persada dunia walau kecil kau unggul namamu jadi sebutan dunia antarabangsa.

Selamat ulang tahun 16 tahun rakyat jelata menadah tangan memohon restu tumpang berteduh di bumi darussalam.

Pemimpin bijaksana rakyat setia di bawah naungan Kerajaan Kebawah Duli.

Puteri Seni

REMBULAN

Wahai! rembulan bertitilah di tangga kehidupan merimba dan di sini aku mendamba dirimu belum pucat.

MEMBELAH GERHANA

Di sini mentari basah memudar ditabiri kabus kelabu pabila sang bayu menghembus kencang kabus kelabu berarak lalu mentari pun tersenyum membelah gerhana.

Mahani M.S

Dari muka 12

rindu tiba-tiba mengundang rawan dan menambahkan lagi beban perasaan, diulang bacanya sekali lagi perenggan yang akhir itu serasa tidak percaya pula Maafkan Shah, Aina. Lupakan Shah. Anggaplah cinta kita sekadar kenangan hingusan. Aina tetap yang pertama di hati Shah namun keadaan tidak mengizinkan kita untuk meneruskan cinta yang dulu. Cinta Shah pada Kartini lebih sejati. Shah benar-benar sayangkan dia. Shah tak berdaya menolak cintanya. Sekali lagi Shah memohon maaf, lupakanlah Shah

Memang benar itulah kata-kata yang tercatat di dalamnya bukan lagi mimpi atau sekadar igauan. Hafizatul Aina memandang lesu kertas yang telah renyuk itu. Shah ... mudahnya kau melafazkan kata-kata, sampai hati kau Shah. Sanggup kau menodai cinta Aina. Hati Aina bemonolog sendiri. Dia tidak berdaya untuk berkata. Dia benar-benar kecewa hatinya bagai dihiris belati tajam. Hampir setengah tahun dia meratapi duka namun tak siapa yang tahu. Kini setelah puas berendam dengan air matanya, dia akur dia perlu bangkit daripada lena yang panjang. Dia perlu bina keyakinan baru dalam merempuh kehidupan yang lebih bermakna. Dia punya kemampuan. Dia benar-benar ingin bina hidup baru, dia akan mula melangkah setapak demi setapak, itu azamnya.

Cuaca pagi itu mendung, bebola emas tidak menampakkan diri. Mungkin ia sengaja bersembunyi di sebalik awan tebal yang menyelimuti alam. Seperti biasa awal pagi begini guru-guru pelatih mula berpusu-pusu menuju ke bilik kuliah masing-masing. Loceng baru sahaja berbunyi menandakan kuliah pertama akan bermula. Dalam keributan bunyi bising yang memenuhi ruang tiba-tiba hampir semua mata menghala ke arah pintu bilik kuliah, ada yang terpinga-pinga kehairanan tidak kurang juga yang terlopong-lopong melihat lembaga yang sedang berdiri di luar kelas. "Budak baru pindah ke?" Bisik satu suara. "Siapa tu?" Suara lain pula menyapa. Teka-teki itu terjawab bila gadis itu melabuhkan punggungnya yang padat berisi dibaluti kebaya ketat atas kerusi Hafizatul Aina. Memang benar, dia memang Hafizatul Aina yang berwajah ayu.

Wajah itu semakin manis setelah disapu dengan alat

solek, rambutnya yang dulu diliputi dengan selubung hari ini disanggul rapi, sesuai dengan kebaya ketat yang disarung ke tubuh. "Aina, kenapa dengan kau ni, buang tabiat ke?" Tanya Yati kehairanan. "Salahkah aku begini?" Bukan jawapan yang diberi melainkan soalan sinis terpacul keluar dari bibir mungil itu. Yati kehilangan kata-kata. "Aina, tukar fesyen ke?" Suara garau yang datangnya dari ruang belakang menarik minat Hafizatul Aina untuk bangun dari tempat duduknya. Semua mata tertumpu ke arahnya, suara sumbang dan bunyi bising tadi bertukar menjadi suasana lengang seperti tak berpenghuni.

"Salahkah Aina cuba memperbaiki diri? Apalagi yang harus Aina buat? Aina yang dulu pun sering dapat tohmahan, sombonglah, kera sumbanglah, jual mahallah dan macam-macam lagi yang engkau orang kata. Sekarang Aina cuba untuk memenuhi segala apa yang kamu semua inginkan, nah! Kenapa masih ada lagi suara-suara sumbang yang mengganggu hidup Aina, apakah Aina tak layak untuk menikmati kebahagiaan hidup?"

Perlahan-lahan Aina melabuhkan punggungnya kembali, tidak kedengaran lagi suara yang tadinya rancak memenuhi ruang, masing-masing tunduk membisu. Bilik kuliah kaku dan beku. Hafizatul Aina sekarang sudah semakin petah dan berani. Tidak seperti dulu lagi. Hafizatul Aina berwajah baru, Hafizatul Aina tukar imej. Kini Hafizatul Aina tidak lagi betah di biliknya. Hampir setiap malam dia ke luar. Pasangannya juga bukan serorang juga bukan orang yang sama. Hampir setiap kelab malam yang ada di bandar itu dijelajahnya. Boleh dikatakan nama Hafizatul Aina merupakan antara nama yang terkenal di kalangan pengunjung kelab malam. Wajah ayu Hafizatul Aina jadi perhatian, gebunya sering dipergunakan untuk dia mengaut kemewahan sekali gus membalas dendamnya terhadap Shahrom.

Pagi itu, dia malas nak bangun awal. Tidak seperti biasa. Setiap hujung minggu dia akan keluar, bergembira bersama siapa sahaja yang dia mahu. Tapi hari itu kepalanya terasa berdenyut-denyut, tak berdaya untuk bangun, tiba-tiba dia berlari menuju ke bilik air, hampir semua isi perutnya dah keluar, dia semakin longlai dan akhirnya dia jatuh terjelompok di pinggir pintu bilik air.

"Bagaimana, sudah rasa selesa?" Seorang doktor muda memeriksa denyut nadinya dengan lembut. "Kalau Cik Aina dah rasa segar nanti bolehlah balik. Makan ubat mengikut masa. Cuma" Doktor muda itu sengaja menghentikan kalimatnya setakat itu. Diperhatikan wajah manis Hafizatul Aina. "Cuma apa doktor? Berterus terang sajalah, saya sudah bersedia untuk mende-ngarnya." Walaupun hatinya tidak segagah mana untuk melawan getaran di jiwa. "Doktor nak bagitahu yang saya ni hamilkah?" Tekanya. Doktor muda itu memandang sayu. "Betulkah doktor?" Tanyanya lagi. Doktor yang bertubuh tinggi lampai itu mengangguk lesu. Jelaslah kini apa yang diagaknya benar-benar terjadi. Apa lagi yang dapat dikatakannya. Malam itu tidurnya tidak nyenyak, sesekali dia mengalihkan posisi sebentar mengiring. Dicapainya dairi biru, pen pun mula mengatur rentak. "Shah inilah hadiah yang mampu untukku berikan padamu. Aku memang gadis hina tapi tahukah kau kerana siapa? Mak ... Ayah ... maafkan Aina. Aina tidak berdaya."

"Aina, bangun! Kau tak nak turun kuliah ke?" Dengan mata yang masih layu Nora mengejutkan Hafizatul Aina supaya bangkit dari lena yang mengasyikkan. Puas Nora menggerakkannya namun tubuh Hafizatul Aina kaku seperti batang kayu, dia cuba lagi tetapi begitu tangannya mula merayap ke sana ke mari, ter-rasa sejuk!

Hari itu maktab perguruan gempar dengan berita kematian Hafizatul Aina. Pelbagai telahan yang dibuat. Doktor muda yang disoal siasat hanya menggeleng kepala, dia yakin roh Hafizatul Aina akan lebih aman andai dia berpegang teguh pada janji yang telah ter-pateri.

Bagaimana perasaan Shahrom andai dia menerima berita itu? Apakah sama seperti yang dialami oleh keluarga Hafizatul Aina? Semuanya dah terlambat apa pun perasaannya, dia tetap lelaki yang tidak punya pendirian hidup. Begitu telahan Nora setelah membaca dairi biru milik Hafizatul Aina.

Biar siapa pun Hafizatul Aina, bagi Nora dia tetap gadis misteri yang istimewa walau tidak setabah mana. Cinta Hafizatul Aina memang murni tapi sayang dia telah tersilap langkah, kerana dendam yang menyelimuti perasaan cintanya dia sanggup memusnahkan diri sendiri.



سنتياس برسام بيسكتا
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PINAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 3 JANUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.20	ANIMATION HOUR : FERDY/ZIRKOS KIDS
5.00	RAK SI MO MO
5.30	RANCANGAN KANAK-KANAK - 'Tuturan'
5.45	BERITA
5.55	RANCANGAN KANAK-KANAK - Sambungan
6.20	AZAN MAGHRIB
6.25	AL-QURAN
6.40	BIMBINGAN MU'MIN

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	SIHAT CERGAS
7.35	AZAN ISYAK
7.40	SIHAT CERGAS - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TEKAD
9.10	HIBURAN - 'Alunan Gemalai Aidilfitri' - Ulangan
10.00	NEWS AT 10
10.30	HIBURAN - 'Alunan Gemalai Aidilfitri' - Sambungan
10.45	DRAMA RTB/RTM - 'Harga Sebuah Kasih'
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 4 JANUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.20	ANIMATION HOUR : DENVER ; THE LAST DINOSAUR/BEAST WARS
5.00	MANSION : GREAT HOUSE OF EUROPE - Siri Baru
5.45	BERITA
5.55	FORUM KHAS HALAL HARAM - Ulangan

6.21	AZAN MAGHRIB
6.26	AL-QURAN
6.45	BIMBINGAN MU'MIN

MALAM

7.00	SURAH YAASIIN
7.25	GEMA ISLAM
7.36	AZAN ISYAK
7.41	GEMA ISLAM - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	AN-NUUR - Siaran Langsung
9.25	LAILA LILI PUTIH
10.00	NEWS AT 10
10.30	DRAMA - Sambungan
19.50	WAYANG PILIHAN - 'Total Stranger'
12.20	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 5 JANUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.15	TARBIYAH AIDILFITRI - Ulangan
11.00	TRAP TRIP
11.15	PUISI ISLAM AIDILFITRI - Sambungan
11.30	BERITA
11.40	PUISI ISLAM AIDILFITRI - Sambungan
12.30	SEMBAHYANG FARDU JUMAAT - Siaran Langsung

PETANG

1.30	GEMA ISLAM - Ulangan
2.00	SUKAN ANTARA-BANGSA
2.30	DINA MIK HARI RAYA - Ulangan
3.15	TEMASYA PANTUN MOU RTB/RTM - Ulangan
3.49	AZAN ASAR
3.55	TEMASYA PANTUN MOU RTB/RTM - Sambungan
4.40	AN NUUR HARI RAYA - Ulangan
5.45	BERITA
5.55	SYIAR MASJID
6.21	AZAN MAGHRIB
6.26	AL-QURAN
6.40	BIMBINGAN MU'MIN

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	DOKUMENTARI
7.35	AZAN ISYAK
7.40	DOKUMENTARI - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	JUARA BERTARI RAYA - Ulangan
9.40	DRAMA RTB/TVRI - Ulangan
10.00	NEWS AT 10

10.30	DRAMA - Sambungan
11.30	KHUTBAH JUMAAT
11.45	TELEDRAMA - 'Ratu Jamu'
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 6 JANUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	ANIMATION HOUR : MISTER SIMON AND JIGGY JIGGY/ALIF WILD ABOUT ANIMALS
10.55	DOKUMENTARI
11.20	BERITA
11.30	DOKUMENTARI - Sambungan
11.40	CYBERNET
12.00	AZAN ZUHUR
12.27	DOKUMENTARI : KESIHATAN UNTUK SEMUA - Ulangan
12.32	

PETANG

1.10	PANGGUNG PETANG SABTU - 'Dying On The Edge'
2.40	FOKUS - KAMPUNG KITA - Ulangan
3.10	FROM THE EARTH TO THE MOON - 'Can We Do This'
3.49	AZAN ASAR
3.54	FROM THE EARTH TO THE MOON - Sambungan
4.00	GETAWAY EXPLORER
4.25	ANIMATION HOUR : SABER RIDER & STAR SHERRIF/JOHNNY BRAVO
5.15	RAK SI MO MO
5.45	BERITA
5.55	DRAMA RTB : DURAT UL HIKMAH - Ulangan
6.22	AZAN MAGHRIB
6.27	AL-QURAN
6.45	BIMBINGAN MUKMIN

MALAM

7.00	DUNIA ASIA
7.25	TECHNOLOGY WORLD
7.36	AZAN ISYAK
7.30	TECHNOLOGY WORLD - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	HIBURAN : SINDIR-SINDIR SAYANG - Ulangan
9.45	TAYANGAN GAMBAR - 'Someone Is Watching'
10.00	NEWS AT 10
10.30	TAYANGAN GAMBAR - Sambungan
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 7 JANUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	FITRI RIA - Ulangan
11.10	FUN TIME
11.30	BERITA
11.40	SUNDAY MATINEE - 'Boys Will Be Boys'
12.28	AZAN ZUHUR
12.33	SUNDAY MATINEE - Sambungan

PETANG

1.30	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2000/2001
2.30	SI MANIS 17 - Siaran Langsung
3.00	DRAMA RTB : 'Di Rantai Di Gelangi Kasih'
3.50	AZAN ASAR
3.55	DRAMA RTB - Sambungan
4.30	RIMALOKA
5.00	JUARA - Siaran Langsung
5.30	FORUM KHAS HALAL HARAM
5.45	BERITA
5.55	FORUM KHAS HALAL HARAM - Sambungan
6.15	BIMBINGAN MU'MIN
6.22	AZAN MAGHRIB
6.27	AL-QURAN
6.45	BIMBINGAN MU'MIN

MALAM

7.00	PINTAR-PINTAR - Ulangan
7.37	AZAN ISYAK
7.40	PINTAR-PINTAR - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TIRAI KELUARGA - 'Keluarga 99'
10.00	NEWS AT 10
10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
11.00	SEJUTA MAKNA HARI RAYA - Ulangan
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 8 JANUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

2.00	LAGU KEBANGSAAN
2.02	AL-QURAN

2.12	SUSUNAN RANCANGAN
2.15	ANIMATION HOUR: BABY BLUES/ZIRKOS KIDS
5.00	OTHER COUNTRIES, OTHER CUSTOMS - 'Chile: Riders Between Fjords And Andes'
5.45	BERITA
5.55	SYIAR MASJID
6.23	AZAN MAGHRIB
6.30	AL-QURAN
6.40	BIMBINGAN MUKMIN

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	PERSPECTIVE
7.37	AZAN ISYAK
7.42	PERSPECTIVE - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	NADWAH KHAS HARI RAYA
10.00	NEWS AT 10
10.30	TEKAD - Ulangan
10.45	SUPER STRUCTURES
11.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 9 JANUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.20	ANIMATION HOUR: DRAGON TALES/ MONSTER BY MISTAKE
5.45	BERITA
6.05	DRAMA CO PRODUCTION - Ulangan
6.23	AZAN MAGHRIB
6.30	AL-QURAN
6.40	BIMBINGAN MUKMIN

MALAM

7.00	THE FAMOUS JETT JACKSON - 'Country Fair'
7.25	DOKUMENTARI: DESTINASI
7.38	AZAN ISYAK
7.43	DOKUMENTARI - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	HIBURAN REMAJA RIA - Ulangan
9.25	CRUSADE - 'Each Night Dream Of Home'
10.00	NEWS AT 10
10.30	CRUSADE - Sambungan
11.45	SNOOPS - 'Constitutions'
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT



KETUA Unit Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Sheikh Jamaluddin bin Sheikh Muhammad mengalu-alukan pelancong dari luar negeri dengan memberikan risalah pelancongan (KPSSU) TMB 2001 dan bunga telur kepada seorang pelancong dari Eropah.



KETUA Unit Pelancongan KPSSU, Sheikh Jamaluddin dan Pengarah Penerbangan Awam, Awang Haji Kassim mengalu-alukan ketibaan pelancong sebagai tanda simbolik bagi mengalu-alukan ketibaan pelancong ke negara ini di Lapangan Terbang Antarabangsa, Brunei.

TMB 2001 STRATEGI TINGKATKAN EKONOMI

Oleh Abdullah Asgar
Gambar-gambar oleh
Haji Masmaleh HMA

BERAKAS, 1 Januari. - Negara Brunei Darussalam menganggarkan kemasukan pelancong-pelancong luar negara sempena Tahun Melawat Brunei (TMB) 2001 seramai satu juta orang pengunjung tahun ini dan jika boleh dicapai ia satu petanda baik untuk perkembangan ekonomi negara kerana industri pelancongan adalah industri dunia.

Di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, satu majlis simbolik diadakan bagi mengalu-alukan ketibaan pelancong-pelancong luar negara yang menggunakan pesawat terbang.

Acara yang dianjurkan oleh Unit Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) yang antara lain caranya ialah persembahan tarian kebudayaan (Kementerian, Kebudayaan, Belia dan Sukan) dan memberikan bunga telur kepada pelancong-pelancong yang tiba di lapangan terbang.

Lebih seratus pelancong yang tiba dengan menggunakan tiga pesawat kira-kira jam 11.30 pagi iaitu Penerbangan Diraja Brunei, Penerbangan Singapura dan Penerbangan Malaysia.

Menurut Ketua Unit Pelancongan KPSSU, Sheikh Jamaluddin bin Sheikh Muhammad ketika ditemu bual oleh pihak Radio dan Televisyen Brunei berkata, acara ini walaupun sebagai satu simbolik bagi mengalu-alukan ketibaan pelancong ke negara ini sempena TMB 2001, namun ia tetap memberi makna yang bererti kerana acara yang sebenar ialah pada 3 Januari ini dengan ke-


tibaan 160 pelancong dari Russia dengan menggunakan pesawat catar khas.

"Negara memilih tahun ini sebagai TMB kerana ia adalah salah satu strategi bagi meningkatkan tahap ekonomi dan bagi membuka peluang-peluang pekerjaan pada rakyat negara ini khususnya belia-belia kita sekarang yang masih banyak memerlukan pekerjaan," katanya.

Beliau berharap agar semua rakyat dan penduduk di negara ini akan memberi sokongan penuh dalam menjayakan projek TMB.

"Iaitu dengan sering memberikan senyuman kepada pelancong-pelancong yang datang, jangan membuang sampah sesuka hati, kalau imej kita positif mereka akan membawa imej yang positif," seru beliau.

Katanya, TMB negara mempunyai tiga benchmark untuk melihat kejayaannya. Pertama ialah adakah kita boleh mencapai satu juta pelancong pada penghujung tahun 2001; kedua, bolehkah kadar penyewaan bilik-bilik hotel di negara ini akan meningkat dan yang ketiga ialah berapakah peningkatan pekerjaan yang boleh diwujudkan oleh industri pelancongan.



PERSEMBAHAN tarian dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai tanda mengalu-alukan ketibaan para pelancong (kiri). Sementara gambar atas, serombongan pelancong gembira melancong ke negara ini.

SUKAN SUKAN SUKAN SUKAN

Sorotan pencapaian bola sepak 2000

Kurang memberangsangkan

Oleh Haji Ahat HI

SELEPAS mengukir sejarah gemilang menjuarai Piala Malaysia tahun 1999 lalu, tahun 2000 pula memperlihatkan pencapaian yang kurang memberangsangkan apabila jatuh menghuni tangga terendah Bahagian Satu dan akan beraksi pula ke Bahagian Dua musim 2001.

Meskipun persiapan rapi menjelang liga telah dibuat seperti menyertai Kejohanan Jemputan Piala Juara-juara NBT Toyota 2000 dan beberapa perlawanan lain namun cabaran mempertahankan piala berprestij tidak juga kesampaian.

Nyatanya, antara faktor yang membawa kepada kegagalan dan kehambatan aksi musim lalu itu ialah ketiadaan sokongan pemain import serta pengunduran beberapa orang pemain utama yang berperanan mendukung kejayaan merangkul Piala Malaysia.

Faktor-faktor itu merupakan antara penyebab kepada kehambatan cabaran skuad negara beraksi cemerlang pada musim liga 2000.

Daripada 22 perlawanan yang diharungi hanya dua kemenangan saja berjaya dicapai oleh skuad bimbingan jurulatih Michael Jones, menewaskan Sabah 1-0, Negeri Sembilan 2-1 dan seri pada lima perlawanan ketika bertemu Pahang, Pulau Pinang, Perlis, Johor dan Kuala Lumpur.

Cabaran yang kurang memberangsangkan semasa liga musim lalu itu, bagaimanapun berjaya menonjolkan beberapa orang pemain berpotensi sebagai persiapan mengambil alih peranan beberapa orang pemain senior yang mungkin berundur.

Kepercayaan BAFA mendedahkan pemain-pemain muda seperti Riwardi Wahit, Abang Norsillmy Abang Haji Taha, Radiman Abdul Rahman, Muhammad Subhi, Sharimin Hairul, Shahul Rizal dan beberapa orang pemain lagi beraksi dalam liga perdana serta beberapa kejohanan serantau dan antarabangsa merupakan pelaburan terpenting bagi jangka panjang.

Selain menampilkan beberapa pemain muda yang berbakat, penjaga gol, Ali Zanda Sitom yang muncul menggantikan Ibrahim Abu Bakar dan Jefri Mohammad juga merupakan antara pertaruhan terbaik musim depan untuk dikekalkan mengawal benteng terakhir.

Pada penyertaan pusingan kelayakan Piala Asia 2000 Kumpulan 10 di Macau pula memperlihatkan 'standard' permainan pemain negara belum dapat menandingi keunggulan Jepun yang membelasah barisan negara 9-0. Begitupun, kekalahan tipis kepada Macau dan Republik Singapura masing-masing 1-0 hanyalah nasib yang tidak menyebelahi.

Dalam pertemuan dengan Republik Singapura, juara jaringan berjaya dibendung dari tewas 3-0 di Sukan SEA Ke-XX, hanya tewas 1-0 di pusingan kelayakan, manakala kekalahan 1-0 kepada Macau adalah sesuatu di luar dugaan. Apa pun pertemuan di Bandar Macau itu menyingkap pengalaman berguna yang perlu dimanfaatkan bagi persiapan kejohanan-kejohanan yang akan datang.

Pendedahan yang dilalui itu akan dapat menjadi iktibar ke arah memperbaiki serta mengemaskinikan lagi mutu para pemain supaya lebih bersinar tahun ini.



NASIB MALANG sudahlah gagal mempertahankan Piala Malaysia, terhumban pula ke Bahagian Dua bagi Liga Perdana musim depan.

Persatuan Lawan Pedang jadi ahli Kongres FIE

Oleh Haji Ahat HI

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Disember. - Persekutuan Lawan Pedang Negara Brunei Darussalam dengan rasminya telah diterima menjadi ahli Persekutuan Lawan Pedang Antarabangsa bersama dengan Malta, Senegal, Nigeria, Burkina Faso dan Republik Dominican dalam satu Kongres FIE di Paris baru-baru ini.

Pada Kongres FIE itu Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Presiden Persatuan Lawan Pedang Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad dan Timbalan Presiden, Awang Haji Zainoreen bin Haji Mohd. Yusoff.

Di samping menganggotai FIE, Negara Brunei Darussalam juga menjadi ahli kepada South East Asia Fencing Federation pada 31 Januari, 2000 yang lalu di Surabaya dan sekali gus dengan meng-

anggotai kedua-dua pertubuhan serantau dan antarabangsa itu membolehkan peserta lawan pedang negara boleh beraksi manakala kejohanan anjuran pertubuhan-pertubuhan itu.

Selaras dengan kehendak Fencing International D'Esime (FIE) itu juga, Persatuan Lawan Pedang Negara Brunei Darussalam telah melantik jawatankuasa-jawatankuasa seperti berikut: Head Legal Commission ialah Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Dato Paduka Haji Mohammad dan ahli-ahlinya terdiri daripada Awang Haji Marzuki bin Haji Ahmad dan Awang Mohd. Aiani bin Haji Anang.

Head Rules Commission ialah Awang Haji Marzuki bin Haji Ahmad, manakala ahli-ahlinya ialah Pengiran Haji Abu Bakar dan Awang Mohd. Aiani bin Haji Anang.

Head Referring Commission diketuai oleh Awang Abdul Ghani bin Haji Abdul Hamid dan ahlinya Awang Haji Kassim bin Bakar bersama Pengiran Jaman bin Pengiran Apong.

Insulation of Electrical and Signalling Equipment Commission (SEMI) diketuai oleh Awang Haji Kassim bin Bakar dan ahlinya Pengiran Jaman dan Haji Kamarulzaman bin Haji Mohd. Salleh.

Head of Disiplinary Commission diketuai oleh Awang Mohd. Aiani Haji Anang dengan ahlinya ialah Awang Abdul Ghani bin Haji Abdul Hamid dan Awang Malik.

Head of Propaganda Commission ialah Awang Haji Kamarulzaman bin Haji Mohd. Salleh dan ahlinya ialah Pengiran Haji Yura Laila bin Pengiran Setia Negara Haji Mohd. Yusoff dan Awangku Haji Yura Saiful Bahrin bin Pengiran Haji Yura Laila.

Medical Commission diketuai oleh Awang Mohd. Yakob bin Haji Abdul Hamid dan ahlinya Awangku Haji Yura Saiful Bahrin bin Pengiran Haji Yura Laila, sementara Executive Chairman ialah Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad dan Awang Haji Zainoreen, Committee Member.

Pencapaian skuad negara semasa Liga Perdana Satu 2000

Pasukan	P	M	S	K	J	B	Mata
Selangor	22	14	3	5	41	25	45
Pulau Pinang	22	12	7	3	35	15	43
Perak	22	12	5	5	36	19	41
Terengganu	22	9	8	5	29	33	35
Sarawak	22	10	5	7	28	22	35
Negeri Sembilan	22	10	3	9	32	26	33
Pahang	22	8	7	7	41	28	31
Kuala Lumpur	22	7	8	7	27	32	29
Perlis	22	6	7	9	25	28	25
Johor	22	6	3	13	27	50	20
Sabah	22	4	4	14	22	41	16
Brunei DS	22	2	5	15	19	53	11

